# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

## Akta 599

# AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

*Sebagaimana pada 1 Februari 2013*

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
**2013**

**AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh Perkenan Diraja | … … … … | 27 Ogos 1999 |
| Tarikh penyiaran dalam *Warta* | … … … | 9 September 1999 |
| Kali terakhir dipinda melalui Akta A1381 yang mula berkuat kuasa pada | … … … … … | 1 Februari 2011 |

*Cetakan Semula Yang Terdahulu*

*Cetakan Semula Yang Pertama ... ... ... 2006*

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 599

## AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

SUSUNAN SEKSYEN

Bahagian I

PERMULAAN

Seksyen
1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Penyingkiran pilihan undang-undang
5. Kecualian bagi perundangan lain yang berkaitan
6. Tidak boleh berkontrak keluar
7. Pelantikan Pengawal, Timbalan Pengawal, dsb.

Bahagian II

PERLAKUAN MENGELIRUKAN DAN MEMPERDAYA,
REPRESENTASI PALSU DAN AMALAN TIDAK SAKSAMA

8. Tafsiran
9. Perlakuan yang mengelirukan
10. Representasi palsu atau mengelirukan
11. Representasi palsu dan perlakuan lain yang mengelirukan berhubung dengan tanah
12. Gambaran yang mengelirukan mengenai harga
13. Pengiklanan umpanan
14. Pemberian, hadiah, tawaran percuma, dsb.

Seksyen

15. Dakwaan bahawa barang adalah terhad

16. Menuntut atau menyetujui terima bayaran tanpa niat untuk membekalkan

17. Kontrak perkhidmatan hadapan

18. Anggapan mengenai liabiliti bagi iklan

BAHAGIAN III

KESELAMATAN BARANG DAN PERKHIDMATAN

19. Standard keselamatan

20. Pematuhan standard keselamatan

21. Kehendak keselamatan umum bagi barang

21A. Kehendak keselamatan umum bagi perkhidmatan

22. Pembelaan

23. Larangan terhadap barang dan perkhidmatan yang tidak selamat

24. Larangan pengimportan barang atau perkhidmatan

BAHAGIAN IIIA

TERMA TIDAK ADIL

24A. Tafsiran bagi maksud Bahagian IIIA

24B. Pemakaian Bahagian IIIA

24C. Ketidakadilan am dari segi tatacara

24D. Ketidakadilan am yang substansif

24E. Beban pembuktian

24F. Kuasa untuk membangkitkan isu ketidakadilan

24G. Kesan terma tidak adil

24H. Kontrak yang telah dilaksanakan

24I. Pelanggaran Bahagian IIIA adalah suatu kesalahan

24J. Peraturan-peraturan berkaitan dengan terma kontrak yang tidak adil

BAHAGIAN IV

KESALAHAN, PEMBELAAN DAN REMEDI YANG BERHUBUNGAN DENGAN BAHAGIAN II DAN III

Seksyen

25. Pelanggaran Bahagian II dan III menjadi suatu kesalahan
26. Kesalahan yang disebabkan oleh perbuatan atau keingkaran orang lain
27. Pembelaan bagi kekhilafan, kemalangan, dsb.
28. Pembelaan penyiaran suci hati bagi iklan
29. Kuasa mahkamah untuk memberikan relief sampingan

BAHAGIAN V

GERENTI BERKENAAN DENGAN PEMBEKALAN BARANG

30. Pemakaian
31. Gerenti tersirat mengenai hakmilik
32. Gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima
33. Gerenti tersirat mengenai kesesuaian bagi maksud tertentu
34. Gerenti tersirat bahawa barang mematuhi perihal
35. Gerenti tersirat bahawa barang mematuhi sampel
36. Gerenti tersirat mengenai harga
37. Gerenti tersirat mengenai pembaikan dan barang ganti
38. Gerenti nyata pengilang

BAHAGIAN VI

HAK TERHADAP PEMBEKAL BERKENAAN DENGAN GERENTI DALAM PEMBEKALAN BARANG

39. Hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal
40. Kekecualian berkenaan dengan gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima
41. Pilihan terhadap pembekal jika barang tidak mematuhi gerenti
42. Memenuhi kehendak supaya membetulkan kegagalan
43. Kehilangan hak untuk menolak barang

Seksyen

44. Kegagalan yang bersifat substansial

45. Cara menolak barang

46. Pilihan pengguna untuk mendapat bayaran balik atau gantian

47. Taksiran ganti rugi dalam hal perjanjian sewa beli

48. Liabiliti bagi representasi

49. Liabiliti pemegang serah hak dan pembiaya

Bahagian VII

HAK TERHADAP PENGILANG BERKENAAN DENGAN GERENTI DALAM PEMBEKALAN

50. Hak tebus rugi pengguna terhadap pengilang

51. Kekecualian kepada hak untuk tebus rugi terhadap pengilang

52. Pilihan terhadap pengilang jika barang tidak mematuhi gerenti

Bahagian VIII

GERENTI BERKENAAN DENGAN PEMBEKALAN PERKHIDMATAN

53. Gerenti tersirat mengenai ketelitian dan kemahiran munasabah

54. Gerenti tersirat mengenai kesesuaian bagi maksud tertentu

55. Gerenti tersirat mengenai masa siap

56. Gerenti tersirat mengenai harga

Bahagian IX

HAK TERHADAP PEMBEKAL BERKENAAN DENGAN GERENTI DALAM PEMBEKALAN PERKHIDMATAN

57. Hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal

58. Kekecualian kepada hak untuk tebus rugi terhadap pembekal berhubung dengan perkhidmatan

59. Kontrak kerja dan bahan

60. Pilihan terhadap pembekal jika perkhidmatan tidak mematuhi gerenti

61. Kehilangan hak untuk membatalkan kontrak

Seksyen

62. Kegagalan yang bersifat substansial
63. Kaedah-kaedah yang terpakai bagi pembatalan kontrak
64. Kesan pembatalan kontrak
65. Kuasa mahkamah untuk memberikan relief sampingan

Bahagian X

LIABILITI KELUARAN

66. Tafsiran
67. Erti “kecacatan”
68. Liabiliti bagi kecacatan keluaran
69. Takat liabiliti bagi kerugian atau kerosakan
70. Pemakaian undang-undang bertulis lain
71. Larangan pengecualian daripada liabiliti
72. Pembelaan

Bahagian XI

MAJLIS PENASIHAT PENGGUNA NEGARA

73. Penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara
74. Keanggotaan Majlis
75. Penjalanan sementara fungsi-fungsi Pengerusi
76. Pengosongan jawatan
77. Pembatalan pelantikan
78. Peletakan jawatan
79. Pengisian kekosongan
80. Setiausaha kepada Majlis dan pegawai lain
81. Elaun
82. Majlis boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat
83. Kesahan tindakan dan prosiding
84. Peraturan-peraturan yang berhubungan dengan Majlis

BAHAGIAN XIA

JAWATANKUASA PENGIKLANAN

Seksyen

84A. Jawatankuasa Pengiklanan

84B. Keanggotaan Jawatankuasa Pengiklanan

84C. Peruntukan Jadual terpakai bagi Jawatankuasa Pengiklanan

84D. Peraturan yang berhubungan dengan Jawatankuasa Pengiklanan

BAHAGIAN XII

TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

85. Penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna

86. Keanggotaan Tribunal

87. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

88. Pengosongan jawatan

89. Pembatalan pelantikan

90. Peletakan jawatan

91. Pengisian kekosongan

92. Saraan

93. Setiausaha Tribunal dan pegawai lain

94. Pekhidmat awam

95. Tiada tindakan terhadap Tribunal

96. Sidang Tribunal

97. Pemulaan prosiding

98. Bidang kuasa Tribunal

99. Pembatasan bidang kuasa

100. Peluasan bidang kuasa melalui perjanjian

101. Peninggalan untuk membawa tuntutan ke dalam bidang kuasa

102. Kausa tindakan tidak boleh dibahagi

103. (*Dipotong*)

104. Penyingkiran bidang kuasa mahkamah

Seksyen

105. Pelupusan barang mudah musnah

106. Notis tuntutan dan pendengaran

107. Rundingan penyelesaian

108. Hak untuk hadir pada pendengaran

109. Prosiding hendaklah terbuka

109A. Tatacara hendaklah dituliskan

110. Keterangan

111. Tribunal boleh bertindak semasa pihak tidak hadir

112. Award Tribunal

113. Rujukan kepada Hakim Mahkamah Tinggi atas persoalan undang-undang

114. Sebab keputusan

115. Perintah dan penyelesaian hendaklah direkodkan secara bertulis

116. Keputusan Tribunal adalah muktamad

117. Penalti jenayah kerana gagal untuk patuh

118. Tatacara jika tiada peruntukan dibuat

119. Ketiadaan bentuk

120. Pelupusan dokumen, dsb.

121. Tindakan atau peninggalan yang dibuat dengan suci hati

122. Peraturan-peraturan berkenaan dengan Tribunal

BAHAGIAN XIII

PENGUATKUASAAN

123. Kuasa penyiasatan

124. Kad kuasa

125. Pemeriksaan dengan waran

126. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran

127. Senarai barang disita

128. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

Seksyen

129. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
130. Pernyataan boleh diterima sebagai keterangan
131. Pelucuthakan barang, dsb., yang disita
132. Kos memegang barang, dsb., yang disita
133. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
134. Perlindungan pemberi maklumat
135. Hadiah bagi maklumat
136. Kehilangan atau pemusnahan barang, dsb., yang hendak disita
137. Kesalahan berkenaan dengan maklumat
138. Halangan terhadap Penolong Pengawal
139. Penggunaan maklumat sulit

BAHAGIAN XIV

AM DAN PELBAGAI

140. Resit
141. Kuasa untuk memerintahkan pematuhan
142. Kegagalan untuk mematuhi perintah yang sah
143. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
144. Kesalahan oleh pekerja, ejen atau pekerja ejen
145. Penalti am
146. Pengkompaunan kesalahan
147. Pemulaan pendakwaan
148. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
149. Perlindungan pegawai
150. Peraturan-peraturan

JADUAL

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 599

## AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[*15 November 1999; P.U. (B) 415/1999*]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### Bahagian I

### PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**Pemakaian**

**2.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Akta ini hendaklah terpakai berkenaan dengan semua barang dan perkhidmatan yang ditawarkan atau dibekalkan kepada seorang pengguna atau lebih secara perdagangan termasuk apa-apa urus niaga perdagangan yang dijalankan melalui cara elektronik.

(2) Akta ini tidaklah terpakai—

*(a)* bagi sekuriti sebagaimana yang ditakrifkan dalam *Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [*Akta 280*];

*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] yang mula berkuat kuasa pada 28 September 2007 kecuali Penggal 2 Bahagian VI yang mula berkuat kuasa pada 1 April 2010–*lihat* subseksyen 381(2) Akta 671, P.U. (B) 342/2007 dan P.U. (B) 143/2010.

*(b)* bagi kontrak niaga hadapan sebagaimana yang ditakrifkan dalam *Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 [*Akta 499*];

*(c)* bagi kontrak yang dibuat sebelum tarikh Akta ini mula berkuat kuasa;

*(d)* berhubung dengan tanah atau kepentingan mengenai tanah kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara nyata dalam Akta ini;

*(e)* bagi perkhidmatan yang diadakan oleh ahli profesional yang dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis; dan

*(f)* bagi perkhidmatan jagaan kesihatan yang diadakan atau yang akan diadakan oleh profesional jagaan kesihatan atau oleh kemudahan jagaan kesihatan.

*(g)* (*Dipotong oleh Akta A1298*).

(3) (*Dipotong oleh Akta A1381*).

(4) Pemakaian Akta ini adalah bersifat tambahan dan tanpa menjejaskan apa-apa undang-undang lain yang mengawal selia hubungan kontrak.

## Tafsiran

**3.** (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta ini" termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

"barang" ertinya barang yang terutamanya dibeli atau digunakan bagi maksud diri, rumah tangga atau isi rumah, dan termasuklah—

*(a)* barang yang dipasang pada, atau digabungkan dalam, apa-apa harta tak alih atau harta alih;

---

**CATATAN*—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] yang mula berkuat kuasa pada 28 September 2007 kecuali Penggal 2 Bahagian VI yang mula berkuat kuasa pada 1 April 2010–*lihat* subseksyen 381(2) Akta 671, P.U. (B) 342/2007 dan P.U. (B) 143/2010.

*(b)* haiwan, termasuk ikan;

*(c)* vesel dan kenderaan;

*(d)* kemudahan; dan

*(e)* pokok, tumbuh-tumbuhan dan tanaman sama ada atau tidak di atas, di bawah atau terlekat pada tanah,

tetapi tidaklah termasuk hak dalam tindakan, termasuk surat cara boleh niaga, syer, debentur dan wang;

"cagaran" termasuklah apa-apa gadaian atau bebanan;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan jika tiada cara disebut, ertinya ditetapkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

"harga" termasuklah balasan dalam apa-apa bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan termasuklah apa-apa balasan yang pada hakikatnya berhubungan dengan pemerolehan atau pembekalan barang atau perkhidmatan walaupun kononnya berhubungan dengan apa-apa perkara atau benda lain;

"iklan" termasuklah tiap-tiap bentuk iklan, sama ada atau tidak disertakan dengan atau dikaitkan dengan perkataan yang diucapkan atau ditulis atau tulisan atau bunyi lain dan sama ada atau tidak terkandung atau diterbitkan dalam suatu terbitan, dan termasuklah iklan—

*(a)* dengan pempameran notis;

*(b)* dengan menggunakan katalog, senarai harga, pekeliling, label, kad atau dokumen atau bahan lain;

*(c)* dengan pertunjukan filem atau gambar atau gambar foto; atau

*(d)* dengan menggunakan radio, televisyen, telekomunikasi atau apa-apa cara seumpamanya yang lain;

"kemudahan jagaan kesihatan" ertinya mana-mana premis yang dalamnya seorang atau lebih daripada seorang orang awam menerima perkhidmatan jagaan kesihatan;

"Majlis" atau "Majlis Penasihat Pengguna Negara" ertinya majlis yang ditubuhkan di bawah seksyen 73;

"membekalkan" berhubung dengan—

*(a)* barang, ertinya membekalkan atau membekalkan semula dengan cara penjualan, pertukaran, pajakan, sewaan atau sewa beli;

*(b)* perkhidmatan, ertinya mengadakan, memberikan atau menganugerahkan;

"pembekal" ertinya seseorang yang, secara perdagangan—

*(a)* membekalkan barang kepada pengguna dengan memindahkan pemunyaan atau milikan barang itu di bawah suatu kontrak jualan, pertukaran, pajakan, sewaan atau sewa beli yang kepadanya orang itu menjadi suatu pihak; atau

*(b)* membekalkan perkhidmatan kepada pengguna, dan termasuklah—

(i) jika hak pembekal telah dipindahkan melalui penyerahhakan atau melalui kuat kuasa undang-undang, orang yang pada masa itu berhak kepada hak itu;

(ii) seorang pembiaya yang telah meminjamkan wang atas cagaran barang yang dibekalkan kepada pengguna, jika keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada harga barang itu akan dibayar daripada hasil pinjaman dan jika pinjaman itu telah diaturkan oleh seseorang yang, secara perdagangan, membekalkan barang itu;

(iii) seorang yang, secara perdagangan, menyerahhakkan atau memperoleh penyerahhakan barang kepada seseorang pembiaya untuk membolehkan pembiaya itu membekalkan barang itu, atau barang jenis itu, kepada pengguna; dan

(iv) seorang yang, secara perdagangan, bertindak sebagai ejen bagi orang lain jika orang lain itu tidak membuat pembekalan secara perdagangan;

"pemerolehan" berhubung dengan—

*(a)* barang, termasuklah perbuatan mendapatkan barang dengan cara pembelian, pertukaran atau yang diambil secara pajakan, sewaan atau sewa beli;

*(b)* perkhidmatan, termasuklah perbuatan menyetujui terima suatu perkhidmatan dengan apa-apa cara,

dan "memperoleh" dan "perolehan" hendaklah ditakrifkan dengan sewajarnya;

"Pengawal", "Timbalan Pengawal" dan "Penolong Pengawal" ertinya orang yang dilantik sebagai yang demikian di bawah seksyen 7;

"pengguna" ertinya seseorang yang—

*(a)* memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang pada lazimnya diperoleh bagi maksud, kegunaan atau penggunaan diri, rumah tangga atau isi rumah; dan

*(b)* tidak memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan itu, atau mengemukakan dirinya sebagai memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan itu, terutamanya bagi maksud—

(i) membekalkannya semula secara perdagangan;

(ii) menggunakannya dalam perjalanan suatu proses pengilangan; atau

(iii) dalam hal barang, membaiki atau mengolah, secara perdagangan, barang lain atau lekapan pada tanah;

"pengilang" ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan memasang, mengeluarkan atau memproses barang, dan termasuklah—

*(a)* mana-mana orang yang mengemukakan dirinya kepada orang ramai sebagai pengilang barang itu;

*(b)* mana-mana orang yang melekatkan jenama atau capnya, atau menyebabkan supaya atau membenarkan jenama atau capnya dilekatkan, pada barang itu; dan

*(c)* jika barang itu dikilangkan di luar Malaysia dan pengilang asing barang itu tidak mempunyai tempat perniagaan biasa dalam Malaysia, seseorang yang mengimport atau mengedarkan barang itu;

"penyiaran" termasuklah iklan kepada orang ramai atau mana-mana orang ramai dengan apa-apa cara dan "menyiarkan" hendaklah ditakrifkan dengan sewajarnya;

"peraturan-peraturan" ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"perdagangan" ertinya apa-apa perdagangan, perniagaan, industri, profesion, pekerjaan, aktiviti komersial atau perusahaan yang berhubungan dengan pembekalan atau pemerolehan barang atau perkhidmatan;

"perkhidmatan" termasuklah apa-apa hak, faedah, keistimewaan atau kemudahan yang atau yang akan diadakan, diberikan atau dianugerahkan di bawah apa-apa kontrak tetapi tidaklah termasuk hak, faedah atau keistimewaan dalam bentuk pembekalan barang atau pelaksanaan kerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan;

"perkhidmatan jagaan kesihatan" termasuklah—

*(a)* perkhidmatan perubatan, pergigian, kejururawatan, perbidanan, kesihatan berkaitan, farmasi dan ambulans dan apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh profesional jagaan kesihatan;

*(b)* tempat tinggal bagi maksud apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan;

*(c)* apa-apa perkhidmatan untuk memeriksa, mendiagnosis atau merawat orang yang menghidap atau dipercayai menghidap apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;

*(d)* apa-apa perkhidmatan bagi maksud kesihatan pencegahan atau penggalakan;

*(e)* apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana profesional separa jagaan kesihatan;

*(f)* apa-apa perkhidmatan bagi mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa tubuh manusia dengan menggunakan apa-apa perkakas, kelengkapan, alat, atau peranti atau apa-apa teknologi perubatan lain; atau

*(g)* apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan termasuk perkhidmatan perubatan pilihan dan tradisional;

"perniagaan" ertinya apa-apa perusahaan yang dijalankan sama ada atau tidak untuk keuntungan atau ganjaran dan yang dalam perjalanannya barang atau perkhidmatan diperoleh atau dibekalkan sama ada dengan bayaran atau selainnya;

"premis" ertinya mana-mana tempat, bangunan atau kenderaan, sama ada kekal atau sementara;

"profesional jagaan kesihatan" termasuklah pengamal perubatan, pengamal pergigian, ahli farmasi, ahli psikologi klinikal, jururawat, bidan, pembantu perubatan, ahli fisioterapi, ahli terapi pekerjaan dan profesional jagaan kesihatan berkaitan lain dan mana-mana orang lain yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan perubatan, kesihatan, pergigian, farmaseutik, atau apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan lain;

"rekod" termasuklah buku akaun, buku bank, baucar, resit, surat-menyurat dan apa-apa dokumen lain tidak kira sama ada rekod itu atas kertas atau dalam bentuk elektronik, fotograf atau bentuk lain tetapi tidak termasuk rekod perubatan pesakit;

"subsidiari" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

"surat cara kredit" ertinya apa-apa perjanjian, lisan atau bertulis, yang mengakui suatu obligasi untuk membayar sejumlah wang atau jumlah-jumlah wang apabila dituntut, atau pada bila-bila masa hadapan;

"Tribunal" ertinya Tribunal Tuntutan Pengguna yang ditubuhkan di bawah seksyen 85.

(2) Dalam Akta ini, sebutan tentang—

*(a)* penglibatan dalam sesuatu perlakuan hendaklah dibaca sebagai sebutan tentang melakukan atau keengganan untuk melakukan sesuatu perbuatan, dan termasuklah—

(i) meninggalkan sesuatu perbuatan; atau

(ii) memaklumkan bahawa sesuatu perbuatan itu akan atau, tidak akan dilakukan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

*(b)* pemerolehan barang termasuklah sebutan tentang pemerolehan harta dalam atau hak yang berhubungan dengan barang berikutan dengan pembekalan barang itu;

*(c)* pembekalan atau pemerolehan barang atau perkhidmatan termasuklah sebutan tentang perjanjian untuk membekalkan atau memperoleh barang atau perkhidmatan;

*(d)* pembekalan atau pemerolehan barang termasuklah sebutan tentang pembekalan atau pemerolehan barang bersama dengan barang atau perkhidmatan lain atau kedua-duanya;

*(e)* pembekalan atau pemerolehan perkhidmatan termasuklah sebutan tentang pembekalan atau pemerolehan perkhidmatan bersama dengan barang atau perkhidmatan lain atau kedua-duanya;

*(f)* pembekalan semula barang yang diperoleh daripada seseorang termasuklah sebutan tentang—

(i) pembekalan barang kepada seseorang yang lain dalam bentuk atau keadaan yang diubah; dan

(ii) pembekalan kepada seseorang lain barang lain yang dengannya barang yang diperoleh itu telah digabungkan.

(3) Dalam Akta ini, jika perlu ditentukan masa sesuatu gerenti mula terpakai—

*(a)* barang hendaklah dikira sebagai dibekalkan pada masa pengguna memperoleh hak untuk memiliki barang itu;

*(b)* perkhidmatan hendaklah dikira sebagai dibekalkan pada masa perkhidmatan itu diadakan, diberikan atau dianugerahkan.

(4) Bagi maksud Akta ini, sesuatu aku janji, penegasan atau representasi dengan apa-apa nama hendaklah disifatkan sebagai suatu gerenti nyata jika aku janji, penegasan atau representasi itu mempunyai kesan yang sama atau yang pada matannya sama sebagaimana suatu gerenti nyata.

**Penyingkiran pilihan undang-undang**

**4.** Akta ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa terma kontrak yang terpakai atau berupa sebagai memakaikan undang-undang suatu negara yang lain jika mahkamah mendapati bahawa terma itu telah dikenakan keseluruhannya atau terutamanya bagi maksud untuk membolehkan pihak yang mengenakannya mengelak daripada kuat kuasa Akta ini.

**Kecualian bagi perundangan lain yang berkaitan**

**5.** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghapuskan atau mengehadkan kesan, atau menghalang pergantungan pada—

*(a)* mana-mana undang-undang bertulis yang mengenakan kewajipan yang lebih ketat ke atas pembekal daripada yang dikenakan di bawah Akta ini;

*(b)* mana-mana undang-undang bertulis yang mengikutnya apa-apa terma yang tidak tak selaras dengan Akta ini dianggap tersirat dalam kontrak bagi pembekalan apa-apa barang atau perkhidmatan;

*(c)* mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kontrak penggajian atau kontrak perantisan; atau

*(d)* apa-apa terma dalam apa-apa perjanjian bertulis antara pembekal dengan pengguna setakat yang terma itu—

(i) mengenakan kewajipan yang lebih ketat ke atas pembekal daripada yang dikenakan di bawah Akta ini; atau

(ii) memperuntukkan remedi yang lebih menguntungkan kepada pengguna daripada remedi yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

**Tidak boleh berkontrak keluar**

**6.** (1) Peruntukan Akta ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa jua yang bertentangan dalam mana-mana perjanjian.

(2) Tiap-tiap pembekal dan tiap-tiap pengilang yang berupa sebagai berkontrak keluar daripada mana-mana peruntukan Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menghalang pengguna yang mempunyai tuntutan di bawah Akta ini daripada bersetuju untuk menyelesaikan atau mengkompromikan tuntutan itu.

**Pelantikan Pengawal, Timbalan Pengawal, dsb.**

**7.** (1) Menteri boleh melantik daripada kalangan pegawai awam, seorang Pengawal Hal Ehwal Pengguna dan apa-apa bilangan Timbalan Pengawal Hal Ehwal Pengguna, Penolong Pengawal Hal Ehwal Pengguna dan pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Pengawal hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri, melaksanakan fungsi dan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

(3) Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal dan pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah di bawah arahan dan kawalan Pengawal.

(4) Seseorang Timbalan Pengawal boleh melaksanakan segala fungsi dan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Pengawal di bawah Akta ini.

(5) Semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

## Bahagian II

### PERLAKUAN MENGELIRUKAN DAN MEMPERDAYA, REPRESENTASI PALSU DAN AMALAN TIDAK SAKSAMA

**Tafsiran**

**8.** Bagi maksud Bahagian ini—

*(a)* "palsu", "mengelirukan" atau "memperdaya", berhubung dengan perlakuan, representasi atau amalan, termasuklah perlakuan, representasi atau amalan yang boleh menyebabkan seseorang pengguna melakukan kesilapan; dan

*(b)* "harga", berhubung dengan apa-apa barang atau perkhidmatan, sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan keluasan takrif "harga" dalam seksyen 3, ertinya—

(i) agregat jumlah wang yang dikehendaki supaya dibayar oleh pengguna bagi atau selainnya berkenaan dengan pembekalan barang atau perkhidmatan itu; atau

(ii) kecuali dalam subseksyen 12(3) dan (4), apa-apa cara yang akan atau telah terpakai bagi maksud menentukan agregat itu.

**Perlakuan yang mengelirukan**

**9.** Tiada seorang pun boleh melibatkan diri dalam perlakuan yang—

*(a)* berhubung dengan barang, adalah mengelirukan atau memperdayakan, atau mungkin mengelirukan atau memperdayakan, orang ramai mengenai sifat, proses pengilangan, ciri-ciri, kesesuaian bagi sesuatu maksud, kebolehan untuk mendapatkan atau kuantiti, barang itu; atau

*(b)* berhubung dengan perkhidmatan, adalah mengelirukan atau memperdayakan, atau mungkin mengelirukan atau memperdayakan, orang ramai mengenai sifat, ciri-ciri, kesesuaian bagi sesuatu maksud, kebolehan untuk mendapatkan atau kuantiti, perkhidmatan itu.

**Representasi palsu atau mengelirukan**

**10.** (1) Tiada seorang pun boleh membuat representasi palsu atau mengelirukan—

*(a)* bahawa barang itu adalah daripada jenis, standard, kualiti, gred, kuantiti, komposisi, gaya atau model tertentu;

*(b)* bahawa barang itu mempunyai sejarah tertentu atau kegunaan terdahulu yang tertentu;

*(c)* bahawa perkhidmatan itu adalah daripada jenis, standard, kualiti atau kuantiti tertentu;

*(d)* bahawa perkhidmatan itu dibekalkan oleh mana-mana orang tertentu atau oleh mana-mana orang yang mempunyai daya ketukangan, kelayakan atau kemahiran tertentu;

*(e)* bahawa orang tertentu telah bersetuju memperoleh barang atau perkhidmatan itu;

*(f)* bahawa barang itu baru atau dibaikpulihkan;

*(g)* bahawa barang itu telah dikilangkan, dikeluarkan, diproses atau dibaikpulihkan pada sesuatu masa tertentu;

*(h)* bahawa barang atau perkhidmatan itu mempunyai apa-apa tajaan, kelulusan, pengendorsan, ciri-ciri pencapaian, aksesori, kegunaan atau faedah;

*(i)* bahawa orang itu mempunyai apa-apa tajaan, kelulusan, pengendorsan atau gabungan;

*(j)* berkenaan dengan keperluan apa-apa barang atau perkhidmatan;

*(k)* berkenaan dengan kewujudan, pengecualian atau kesan apa-apa syarat, gerenti, hak atau remedi; atau

*(l)* berkenaan dengan tempat asal barang itu.

(2) Dalam seksyen ini, "kuantiti" termasuklah panjang, lebar, tinggi, luas, isi padu, muatan, berat dan bilangan.

**Representasi palsu dan perlakuan lain yang mengelirukan berhubung dengan tanah**

**11.** (1) Tiada seorang pun boleh berkaitan dengan penjualan atau pemberian atau penjualan atau pemberian yang mungkin suatu kepentingan mengenai tanah atau berkaitan dengan penggalakan dengan apa-apa cara penjualan atau pemberian suatu kepentingan mengenai tanah—

*(a)* secara palsu menyatakan bahawa mana-mana orang mempunyai apa-apa tajaan, kelulusan, pengendorsan atau gabungan; atau

*(b)* membuat representasi palsu atau mengelirukan tentang mana-mana atau semua yang berikut:

(i) jenis kepentingan mengenai tanah itu;

(ii) harga yang kena dibayar bagi tanah itu;

(iii) kedudukan tanah itu;

(iv) ciri-ciri tanah itu;

(v) kegunaan yang baginya tanah itu boleh digunakan atau dengan sah boleh digunakan;

(vi) kewujudan atau terdapatnya kemudahan yang dikaitkan dengan tanah itu.

(2) Dalam seksyen ini, "kepentingan", berhubung dengan tanah, ertinya kepentingan berdaftar atau boleh daftar mengenai tanah itu, dan termasuklah—

*(a)* hak untuk menduduki tanah itu atau sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan yang didirikan di atas tanah itu, yang berbangkit oleh sebab pemegangan syer atau oleh sebab suatu kontrak untuk membeli syer dalam syarikat yang memiliki tanah atau bangunan itu; atau

*(b)* hak, kuasa atau keistimewaan ke atas atau berkaitan dengan tanah itu.

(3) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi kemudahan perumahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*].

**Gambaran yang mengelirukan mengenai harga**

**12.** (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan—

*(a)* jika dia memberi seseorang pengguna gambaran yang mengelirukan mengenai harga yang padanya apa-apa barang atau perkhidmatan boleh didapati; atau

*(b)* jika sesuatu gambaran yang diberikan olehnya kepada seseorang pengguna mengenai harga yang padanya apa-apa barang atau perkhidmatan boleh didapati menjadi mengelirukan dan dia tidak mengambil langkah yang munasabah untuk menghalang pengguna itu daripada bergantung pada gambaran itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), tidaklah material—

*(a)* sama ada orang yang memberikan gambaran itu bertindak bagi pihak dirinya sendiri atau bagi pihak orang lain;

*(b)* sama ada atau tidak orang yang memberikan gambaran itu ialah orang itu atau termasuk dalam golongan orang yang daripadanya barang atau perkhidmatan itu boleh didapati;

*(c)* sama ada gambaran itu mengelirukan atau menjadi mengelirukan berhubung dengan semua pengguna yang kepadanya gambaran itu diberikan atau hanya berhubung dengan beberapa orang daripada mereka.

(3) Bagi maksud seksyen ini, sesuatu gambaran yang diberikan kepada pengguna adalah mengelirukan mengenai harga atau cara untuk menentukan harga jika apa yang disampaikan oleh gambaran itu, atau apa yang boleh dengan munasabah dijangkakan akan disimpulkan oleh pengguna itu daripada gambaran itu atau apa-apa peninggalan daripadanya, termasuklah mana-mana yang berikut:

*(a)* bahawa harga atau cara itu bukanlah pada hakikatnya harga atau cara yang sebenarnya;

*(b)* bahawa dapat atau tidaknya harga atau cara itu dipakai tidak bergantung pada fakta atau hal keadaan yang pada hakikatnya gambaran itu bergantung padanya;

*(c)* bahawa harga itu meliputi atau cara itu mengambil kira perkara yang berkenaan dengannya suatu caj tambahan pada hakikatnya dibuat;

*(d)* bahawa seseorang yang pada hakikatnya tidak mempunyai apa-apa jangkaan, menjangkakan—

(i) harga itu akan dinaikkan atau diturunkan, sama ada atau tidak pada suatu masa tertentu atau dengan suatu amaun tertentu;

(ii) harga itu, atau harga itu sebagaimana yang dinaikkan atau diturunkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, akan dikekalkan, sama ada atau tidak bagi suatu tempoh tertentu;

(iii) cara itu akan diubah, sama ada atau tidak pada suatu masa tertentu atau dalam suatu hal tertentu; atau

(iv) cara itu atau cara sebagaimana yang diubah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, akan tetap tidak diubah, sama ada atau tidak bagi suatu tempoh tertentu;

*(e)* fakta atau hal keadaan yang dengan merujuk kepadanya pengguna itu boleh dengan munasabah dijangka menilai kesahan apa-apa perbandingan yang berkaitan yang dibuat atau disiratkan oleh gambaran itu yang bukanlah pada hakikatnya fakta atau hal keadaan yang sebenarnya.

(4) Bagi maksud perenggan (3)*(e)*, sesuatu perbandingan ialah perbandingan yang berkaitan berhubung dengan harga atau cara menentukan harga, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika perbandingan itu dibuat antara harga atau cara itu atau apa-apa harga yang telah atau boleh ditentukan dengan menggunakan cara itu, dengan—

*(a)* apa-apa harga atau nilai yang dinyatakan atau tersirat sebagai atau sebagai telah atau sebagai mungkin dikaitkan atau boleh dikaitkan dengan barang atau perkhidmatan yang berkenaan, atau dengan apa-apa barang atau perkhidmatan lain; atau

*(b)* apa-apa cara atau cara lain yang dinyatakan atau tersirat sebagai atau sebagai telah atau sebagai mungkin terpakai atau boleh dipakai bagi menentukan harga atau nilai barang atau perkhidmatan yang berkenaan atau harga atau nilai apa-apa barang atau perkhidmatan lain.

**Pengiklanan umpanan**

**13.** (1) Tiada seorang pun boleh mengiklankan untuk membekalkan barang atau perkhidmatan pada harga yang dinyatakan yang orang itu—

*(a)* tidak berniat untuk menawarkan untuk dibekalkan; atau

*(b)* tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dapat dibekalkan,

pada harga itu bagi suatu tempoh yang, dan dalam kuantiti yang, munasabah dengan mengambil kira jenis pasaran yang dalamnya orang itu menjalankan perniagaan dan jenis iklan itu.

(2) Dalam sesuatu pendakwaan bagi kegagalan untuk menawarkan barang atau perkhidmatan kepada pengguna mengikut subseksyen (1), adalah menjadi suatu pembelaan jika orang yang dipertuduh membuktikan bahawa—

*(a)* dia menawarkan untuk membekalkan atau untuk mendapatkan orang lain untuk membekalkan, kepada pengguna itu, dalam masa yang munasabah, barang atau perkhidmatan daripada jenis yang diiklankan, dalam kuantiti yang munasabah dan pada harga yang diiklankan, dan jika tawaran itu disetuju terima oleh pengguna, bahawa orang itu telah membekalkan atau mendapatkan orang yang lain untuk membekalkan barang atau perkhidmatan itu; atau

*(b)* dia menawarkan untuk membekalkan kepada pengguna itu dengan segera, atau untuk mendapatkan orang lain untuk membekalkan kepada pengguna itu dalam masa yang munasabah, barang atau perkhidmatan yang setara, dalam kuantiti yang munasabah dan pada harga yang diiklankan, dan jika tawaran itu disetuju terima oleh pengguna, bahawa orang itu telah membekalkan atau mendapatkan orang lain untuk membekalkan barang atau perkhidmatan yang setara itu.

**Pemberian, hadiah, tawaran percuma, dsb.**

**14.** (1) Tiada seorang pun boleh menawarkan apa-apa pemberian, hadiah atau benda percuma lain—

*(a)* dengan niat untuk tidak mengadakannya; atau

*(b)* dengan niat untuk tidak mengadakannya sebagaimana yang ditawarkan.

(2) Tiada seorang pun boleh dalam menawarkan apa-apa pemberian, hadiah atau benda percuma lain dengan pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan, sama ada atau tidak bergantung pada pembelian barang atau perkhidmatan lain—

*(a)* mengenakan bayaran yang lebih daripada harga biasa bagi barang atau perkhidmatan yang akan dibeli itu; atau

*(b)* mengurangkan kuantiti atau kualiti barang atau perkhidmatan yang akan dibeli itu.

(3) Seseorang yang menawarkan sesuatu pemberian, hadiah atau benda percuma lain boleh mengenakan apa-apa syarat munasabah ke atas tawaran itu.

(4) Jika seseorang mengenakan syarat ke atas tawaran itu, dia hendaklah—

*(a)* memerihalkan syarat itu dengan jelas;

*(b)* memastikan bahawa perihal syarat itu diletakkan berhampiran dengan ungkapan "percuma" atau "tawaran percuma", mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan cara yang mudah dilihat; dan

*(c)* memastikan bahawa besar cetakan perihal syarat itu adalah sekurang-kurangnya separuh saiz cetakan yang digunakan bagi ungkapan "percuma" atau "tawaran percuma".

(5) Bagi maksud seksyen ini—

"harga biasa" ertinya harga yang padanya barang atau perkhidmatan yang seumpamanya biasanya dijual di pasaran;

"percuma" atau "tawaran percuma" termasuklah apa-apa ungkapan yang mempunyai erti seumpamanya.

**Dakwaan bahawa barang adalah terhad**

**15.** (1) Tiada seorang pun boleh, dalam membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang untuk dijual kepada pengguna, memerihalkan barang itu sebagai terhad melainkan jika edisi, pencetakan, penempaan, pengukiran atau pengeluarannya adalah terhad kepada—

*(a)* suatu kuantiti maksimum yang telah ditentukan terlebih dahulu; atau

*(b)* kuantiti sebenar yang dipesan atau dilanggan dalam suatu tempoh masa yang dinyatakan dan semunasabahnya singkat.

(2) Sesuatu dakwaan bahawa barang adalah terhad hendaklah menyatakan dengan jelas—

*(a)* kuantiti maksimum barang yang ditawarkan untuk jualan; dan

*(b)* tempoh masa atau tarikh tertentu barang itu ditawarkan untuk jualan.

(3) Pernyataan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) hendaklah diletakkan berhampiran dengan dakwaan itu dengan cara yang mudah dilihat.

**Menuntut atau menyetujui terima bayaran tanpa niat untuk membekalkan**

**16.** Tiada seorang pun boleh menuntut atau menyetujui terima, apa-apa bayaran atau balasan lain bagi barang atau perkhidmatan, jika pada masa tuntutan atau penyetujuterimaan itu orang itu—

*(a)* tidak berniat untuk membekalkan barang atau perkhidmatan itu;

*(b)* berniat untuk membekalkan barang atau perkhidmatan yang berbeza secara matan daripada barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya bayaran atau balasan lain itu dituntut atau diterima; atau

*(c)* tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia dapat membekalkan barang atau perkhidmatan itu dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan, atau jika tiada tempoh dinyatakan, dalam masa yang munasabah.

**Kontrak perkhidmatan hadapan**

**17.** (1) Bagi maksud seksyen ini, "kontrak perkhidmatan hadapan" ertinya suatu kontrak bagi perkhidmatan pengguna yang akan diadakan atas dasar berterusan dan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Seseorang pengguna yang membatalkan suatu kontrak perkhidmatan hadapan boleh dikenakan amaun yang berikut oleh pembekal:

*(a)* lima peratus daripada harga penuh kontrak;

*(b)* kos bagi apa-apa barang yang digunakan atau disimpan oleh pengguna; atau

*(c)* bahagian harga penuh kontrak yang merupakan perkhidmatan yang diterima oleh pengguna.

(3) Jika pengguna telah membayar kepada pembekal wang lebih daripada yang pembekal berhak mengenakan di bawah perenggan (2)*(a)*,*(b)* atau *(c)* pembekal hendaklah membayar balik bayaran yang lebih itu atau membolehkan bayaran balik didapati, dalam masa empat belas hari dari pembatalan.

(4) Pembatalan sesuatu kontrak perkhidmatan hadapan hendaklah mula berkuasa—

*(a)* pada masa yang pembatalan itu dimaklumkan kepada pembekal; atau

*(b)* jika pembekal tidak dapat dihubungi dengan cara yang munasabah, pada masa pengguna menunjukkan kepada pembekal dengan cara yang munasabah dalam hal keadaan itu tentang niatnya untuk membatalkan kontrak perkhidmatan hadapan itu.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), pembatalan kontrak perkhidmatan hadapan boleh dimaklumkan dengan perkataan atau perlakuan atau kedua-duanya yang menunjukkan niat pengguna untuk membatalkan kontrak itu, dan tidaklah perlu untuk menggunakan apa-apa perkataan tertentu, selagi niat untuk membatalkan kontrak itu jelas.

(6) Jika pembekal dapat dihubungi dengan cara yang munasabah, subseksyen (5) hendaklah mula berkuat kuasa tertakluk kepada apa-apa peruntukan nyata dalam kontrak perkhidmatan hadapan itu yang menghendaki notis pembatalan dibuat secara bertulis.

**Anggapan mengenai liabiliti bagi iklan**

**18.** Jika perlakuan atau representasi yang berhubungan dengan apa-apa barang atau perkhidmatan dibuat atau disiarkan dalam iklan, iklan itu hendaklah disifatkan telah dibuat oleh—

*(a)* orang yang secara langsung atau tidak langsung mendakwa membekalkan barang atau perkhidmatan itu;

*(b)* orang yang bagi pihaknya iklan itu dibuat; atau

*(c)* kedua-duanya,

mengikut kehendak keadaan, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

## Bahagian III

## KESELAMATAN BARANG DAN PERKHIDMATAN

**Standard keselamatan**

**19.** (1) Menteri boleh melalui peraturan-peraturan menetapkan standard keselamatan berkenaan dengan—

*(a)* apa-apa barang atau kelas barang; dan

*(b)* apa-apa perkhidmatan atau kelas perkhidmatan,

dan boleh menentukan standard keselamatan yang berlainan bagi barang atau perkhidmatan, atau kelas barang atau perkhidmatan yang berlainan.

(2) Standard keselamatan yang berhubungan dengan barang boleh berkaitan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

*(a)* prestasi, komposisi, kandungan, pembuatan, pemprosesan, reka bentuk, pembinaan, kemasan atau pembungkusan barang;

*(b)* pengujian barang semasa atau selepas pembuatan atau pemprosesan;

*(c)* bentuk dan kandungan tanda, amaran atau arahan untuk disertakan dengan barang itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), Menteri boleh, atas syor Pengawal dan selepas berunding dengan agensi berwibawa—

*(a)* menerima pakai keseluruhan atau sebahagian standard keselamatan yang digunakan oleh agensi berwibawa itu; atau

*(b)* mendapatkan nasihat daripada pakar dalam bidang yang berkaitan itu.

(4) Jika tiada standard keselamatan telah ditetapkan di bawah subseksyen (1), orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang atau perkhidmatan hendaklah menerima pakai dan mematuhi standard keselamatan yang munasabah yang dijangkakan oleh pengguna yang munasabah, dengan mengambil kira jenis barang atau perkhidmatan yang berkenaan.

(5) Dalam seksyen ini, "agensi berwibawa" ertinya mana-mana orang, badan atau pihak berkuasa yang telah menentukan atau mempunyai kepakaran untuk menentukan standard keselamatan bagi apa-apa barang atau perkhidmatan.

(6) Bahagian ini tidaklah terpakai bagi barang jagaan kesihatan dan makanan.

(7) Bagi maksud Bahagian ini, "barang jagaan kesihatan" ertinya apa-apa barang yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan, diadakan atau dimaksudkan untuk diadakan atau ditetapkan atau dimaksudkan untuk ditetapkan dalam pemberian perkhidmatan jagaan kesihatan.

**Pematuhan standard keselamatan**

**20.** Tiada seorang pun boleh membekalkan, atau menawarkan atau mengiklankan untuk membekalkan, apa-apa barang atau perkhidmatan yang tidak mematuhi standard keselamatan yang ditentukan di bawah seksyen 19.

**Kehendak keselamatan umum bagi barang**

**21.** Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan seksyen 20, tiada seorang pun boleh membekalkan, atau menawarkan atau mengiklankan untuk membekalkan, apa-apa barang yang tidak semunasabahnya selamat dengan mengambil kira semua hal keadaan, termasuk—

*(a)* cara, dan maksud yang baginya, barang itu sedang dipasarkan atau akan dipasarkan;

*(b)* penyediaan barang itu;

*(c)* penggunaan apa-apa cap berhubungan dengan barang itu; dan

*(d)* arahan atau amaran berkenaan dengan penyimpanan, kegunaan atau penggunaan barang itu.

**Kehendak keselamatan umum bagi perkhidmatan**

**21A.** Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan seksyen 20, tiada seorang pun boleh membekalkan, atau menawarkan atau mengiklankan untuk membekalkan, apa-apa perkhidmatan yang tidak semunasabahnya selamat dengan mengambil kira semua hal keadaan, termasuk—

*(a)* sifat perkhidmatan itu, dan komposisi dan cara penyampaian perkhidmatan itu;

*(b)* kesan perkhidmatan itu terhadap kehidupan dan kesihatan manusia, dan harta benda;

*(c)* penampilan, reka bentuk, pelabelan, petunjuk pemasangan atau penggunaan, amaran, petunjuk mengenai pelupusan harta yang berhubungan dengan perkhidmatan itu dan maklumat lain yang diberikan oleh pembekal perkhidmatan itu; dan

*(d)* sama ada terdapat mana-mana kategori orang yang mungkin menghadapi risiko apabila menggunakan perkhidmatan itu.

**Pembelaan**

**22.** (1) Barang atau perkhidmatan tidak boleh dianggap sebagai gagal untuk mematuhi kehendak seksyen 20 atau 21 atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika ditunjukkan bahawa—

*(a)* kegagalan yang dikatakan itu berpunca daripada pematuhan sesuatu kehendak yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau

*(b)* kegagalan yang dikatakan itu ialah kegagalan untuk membuat berhubungan dengan apa-apa perkara lebih daripada yang dikehendaki di bawah seksyen 20 dan 21.

(2) Dalam apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah Bahagian ini, adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dipertuduh itu jika ditunjukkan bahawa pada masa dia membekalkan, atau menawarkan atau bersetuju untuk membekalkan, atau mendedahkan atau memiliki untuk pembekalan, barang atau perkhidmatan itu, dia—

*(a)* tidak tahu; dan

*(b)* tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai,

bahawa barang atau perkhidmatan itu gagal untuk mematuhi kehendak seksyen 20 atau 21 atau kedua duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai berhubung dengan pengilang.

**Larangan terhadap barang dan perkhidmatan yang tidak selamat**

**23.** (1) Menteri boleh, atas syor Pengawal, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta,* mengisytiharkan apa-apa barang atau kelas barang sebagai barang larangan atau apa-apa perkhidmatan atau

kelas perkhidmatan sebagai perkhidmatan larangan, jika barang atau barang daripada kelas itu atau perkhidmatan atau perkhidmatan daripada kelas itu telah menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau harta atau selainnya tidak selamat.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menghendaki pembekal, mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, dan dengan perbelanjaan pembekal itu sendiri, melakukan mana-mana atau kesemua yang berikut:

*(a)* memanggil balik barang larangan itu;

*(b)* berhenti membekalkan, atau menawarkan untuk membekalkan, barang larangan atau perkhidmatan larangan itu;

*(c)* berhenti mengiklankan barang larangan atau perkhidmatan larangan itu;

*(d)* mendedahkan kepada orang ramai apa-apa maklumat yang berhubungan dengan—

(i) ciri-ciri barang larangan atau perkhidmatan larangan yang menjadikannya tidak selamat;

(ii) hal keadaan yang dalamnya penggunaan barang larangan atau perkhidmatan larangan itu tidak selamat;

(iii) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan barang larangan atau perkhidmatan larangan itu atau penggunaan barang larangan atau perkhidmatan larangan itu sebagaimana yang dinyatakan;

*(e)* membaiki atau menggantikan barang larangan atau perkhidmatan larangan itu;

*(f)* membayar balik harga yang telah dibayar kepada mana-mana orang yang kepadanya barang larangan atau perkhidmatan larangan itu telah dibekalkan atau nilai balasan yang diberikan bagi barang larangan atau perkhidmatan larangan itu atau apa-apa amaun yang kurang sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira penggunaan barang larangan atau perkhidmatan larangan itu oleh orang itu.

(3) Jika perintah dibuat di bawah subseksyen (1), Pengawal hendaklah, melalui notis kepada pembekal, menghendaki pembekal supaya mengambil mana-mana atau semua tindakan yang disebut dalam perintah itu.

(4) Suatu notis di bawah subseksyen (3) tidak perlu diberikan secara langsung kepada pembekal dan boleh diberikan secara umum, termasuk meletakkan notis dalam media berita umum, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengawal, dengan syarat bahawa notis itu jelas dan munasabah.

(5) Pembekal hendaklah mematuhi semua kehendak dalam mana-mana perintah dan notis yang dibuat di bawah seksyen ini.

(6) Selanjutnya dan tanpa menjejaskan yang di atas, jika suatu perintah di bawah subseksyen (1) sedang berkuat kuasa—

*(a)* tiada seorang pun boleh membekalkan, atau menawarkan atau mengiklankan untuk membekalkan, apa-apa barang larangan atau perkhidmatan larangan; dan

*(b)* tiada seorang pembekal pun boleh—

(i) jika notis itu mengenal pasti suatu kecacatan pada, atau sesuatu ciri yang membahayakan bagi, barang larangan atau perkhidmatan larangan itu, membekalkan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang dengannya perintah itu berkaitan yang mengandungi kecacatan atau ciri itu; atau

(ii) dalam apa-apa hal lain, membekalkan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang dengannya perintah itu berkaitan.

**Larangan pengimportan barang atau perkhidmatan**

**24.** Pengimportan apa-apa barang atau perkhidmatan atau kelas barang atau perkhidmatan yang tidak mematuhi peruntukan dalam Bahagian ini adalah dilarang.

Bahagian IIIa

TERMA TIDAK ADIL

**Tafsiran bagi maksud Bahagian IIIa**

**24a.** Dalam Bahagian ini—

*(a)* "kontrak" mempunyai pengertian yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Kontrak 1950 [*Akta 136*];

*(b)* "kontrak bentuk seragam" ertinya kontrak pengguna yang telah dirangka untuk kegunaan umum dalam sesuatu industri, sama ada atau tidak kontrak itu berbeza daripada kontrak yang pada kebiasaannya digunakan dalam industri itu; dan

*(c)* "terma tidak adil" ertinya terma dalam kontrak pengguna, dengan mengambil kira semua hal keadaan, menyebabkan ketidakseimbangan yang signifikan dalam hak dan tanggungjawab pihak-pihak di bawah kontrak itu sehingga merugikan pengguna.

**Pemakaian Bahagian IIIa**

**24b.** Tanpa menjejaskan peruntukan di bawah Akta Kontrak 1950, Akta Relief Spesifik 1950 [*Akta 137*], Akta Jualan Barang 1957 [*Akta 382*] dan peruntukan di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai bagi semua kontrak.

**Ketidakadilan am dari segi tatacara**

**24c.** (1) Sesuatu kontrak atau terma kontrak adalah tidak adil dari segi tatacaranya sekiranya kontrak atau terma kontrak itu menyebabkan kelebihan yang tidak adil kepada pembekal atau kerugian yang tidak adil kepada pengguna akibat perlakuan pembekal atau cara atau hal keadaan bila mana kontrak atau terma kontrak telah dibuat atau dicapai antara pengguna dan pembekal.

(2) Bagi maksud seksyen ini, mahkamah atau Tribunal boleh mempertimbangkan hal keadaan yang berikut:

*(a)* pengetahuan dan pemahaman pengguna berhubung dengan makna terma-terma kontrak atau kesannya;

*(b)* kekuatan tawar-menawar pihak-pihak kepada kontrak dibandingkan antara satu sama lain;

*(c)* standard yang munasabah dalam menentukan suatu urus janji yang adil;

*(d)* sama ada atau tidak, sebelum atau pada masa membuat kontrak, terma-terma kontrak itu telah dirundingi atau adalah sebahagian daripada suatu kontrak bentuk seragam;

*(e)* sama ada atau tidak bahawa adalah semunasabahnya praktikal bagi pengguna untuk merundingkan pengubahan kepada kontrak atau suatu terma kontrak atau untuk menolak kontrak atau terma kontrak itu;

*(f)* sama ada ungkapan yang terkandung dalam kontrak adalah dalam cetakan halus atau sukar untuk dibaca atau difahami;

*(g)* sama ada atau tidak, walaupun pengguna adalah kompeten untuk membuat suatu kontrak berdasarkan keupayaan dan kewarasan akal fikirannya, pengguna itu—

(i) secara munasabahnya tidak dapat melindungi kepentingannya sendiri atau kepentingan mana-mana pihak yang diwakili olehnya pada masa kontrak itu dibuat; atau

(ii) mengalami kerugian yang serius berbanding dengan pihak lain kerana pengguna itu tidak memahami secukupnya kontrak atau terma kontrak itu atau kesannya disebabkan faktor umur, keuzuran, atau ketidakupayaan fizikal, mental, pendidikan atau linguistik, atau tekanan emosi atau kejahilan dalam urusan perniagaan;

*(h)* sama ada atau tidak nasihat perundangan atau nasihat pakar lain, yang bebas, diperoleh oleh pengguna yang membuat kontrak itu;

*(i)* setakat mana, jika ada, peruntukan kontrak atau terma kontrak atau kesannya dari segi undang-undang atau pelaksanaannya dijelaskan secara terperinci oleh mana-mana orang kepada pengguna yang membuat kontrak itu;

*(j)* pelakuan pihak-pihak yang membuat kontrak itu berbanding dengan pelakuan pihak-pihak itu dalam kontrak atau urusan yang seumpamanya antara mereka; dan

*(k)* sama ada pengguna bergantung kepada kemahiran, pengurusan atau nasihat pembekal atau seseorang yang berkaitan dengan pembekal semasa membuat kontrak itu.

**Ketidakadilan am yang substantif**

**24D.** (1) Kontrak atau terma kontrak adalah tidak adil secara substantif jika kontrak atau terma kontrak itu—

*(a)* adalah dengan sendirinya keras;

*(b)* adalah menindas;

*(c)* adalah tidak berpatutan;

*(d)* mengecualikan atau mengehadkan liabiliti bagi kecuaian; atau

*(e)* mengecualikan atau mengehadkan liabiliti bagi memungkiri terma kontrak yang nyata atau tersirat tanpa justifikasi yang kukuh.

(2) Bagi maksud seksyen ini, mahkamah atau Tribunal boleh mempertimbangkan hal keadaan yang berikut:

*(a)* sama ada atau tidak kontrak atau terma kontrak itu mengenakan syarat—

(i) yang sukar secara yang tidak munasabah untuk dipatuhi; atau

(ii) yang tidak semunasabahnya perlu untuk melindungi kepentingan yang sah bagi pembekal yang merupakan pihak dalam kontrak;

*(b)* sama ada kontrak adalah secara lisan atau keseluruhannya atau sebahagiannya secara bertulis;

*(c)* sama ada kontrak adalah dalam bentuk seragam;

*(d)* sama ada kontrak atau terma kontrak adalah bertentangan dengan standard yang munasabah dalam menentukan urusan yang adil;

*(e)* sama ada kontrak atau terma kontrak telah mengakibatkan pertukaran nilai wang yang tidak setara atau ketidakseimbangan yang substantif antara pihak-pihak;

*(f)* sama ada faedah yang akan diterima oleh pengguna yang membuat kontrak nyata tidak seimbang atau tidak sesuai, bagi hal keadaan pengguna itu;

*(g)* sama ada pengguna yang membuat kontrak itu mempunyai hubungan fidusiari dengan pembekal; dan

*(h)* sama ada kontrak atau terma kontrak itu—

(i) nyata menghendaki jaminan yang berlebih-lebihan bagi pelaksanaan obligasi di bawah kontrak;

(ii) mengenakan penalti yang tidak setara dengan kesan daripada pelanggaran kontrak;

(iii) menolak atau mendenda pembayaran balik lebih awal hutang;

(iv) membolehkan pembekal sepihak sahaja untuk menamatkan kontrak tanpa alasan yang baik atau tanpa membayar pampasan munasabah; atau

(v) membolehkan pembekal sepihak sahaja untuk mengubah suai terma kontrak.

**Beban pembuktian**

**24E.** Sekiranya kontrak atau terma kontrak mengecualikan atau mengehadkan liabiliti, atau mengecualikan hak, tugas dan liabiliti, adalah di pihak pembekal yang bersandar kepada pengecualian atau pengehadan itu untuk membuktikan bahawa pengecualian atau pengehadan itu tidak dibuat tanpa justifikasi yang kukuh.

**Kuasa untuk membangkitkan isu ketidakadilan**

**24F.** Suatu mahkamah atau Tribunal boleh, dalam prosiding di hadapannya, membangkitkan isu tentang sama ada kontrak atau terma kontrak adalah tidak adil di bawah seksyen 24C dan 24D, walaupun tiada pihak yang membangkitkan isu itu dalam pliding mereka.

**Kesan terma tidak adil**

**24G.** (1) Dalam Bahagian ini, jika mahkamah atau Tribunal membuat kesimpulan, dengan mengambil kira seksyen 24C dan 24D bahawa suatu kontrak atau terma kontrak adalah tidak adil sama ada dari segi tatacaranya atau secara substantif atau kedua-duanya, mahkamah atau Tribunal boleh memutuskan bahawa kontrak atau terma kontrak itu tidak boleh dilaksanakan atau batal dan mahkamah boleh memberikan penghakiman, dan Tribunal boleh membuat award sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 112 Akta ini.

(2) Mahkamah atau Tribunal boleh menentukan sama ada apa-apa terma kontrak yang tidak adil dari segi tatacaranya atau secara subtantial, atau kedua-duanya, boleh diasingkan, dan sama ada dan setakat mana dan dalam apa cara, terma kontrak yang selebihnya boleh dikuatkuasakan atau diberikan kesan.

**Kontrak yang telah dilaksanakan**

**24H.** Mahkamah boleh memberikan penghakiman, dan Tribunal boleh membuat award sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 112 Akta ini, walaupun kontrak itu telah dilaksanakan sepenuhnya atau sebahagiannya dan bagi maksud itu mahkamah atau Tribunal boleh mempertimbangkan—

*(a)* sama ada dan setakat mana restitusi boleh diberikan berdasarkan kepada fakta dan hal keadaan sesuatu kes itu; dan

*(b)* jika apa-apa restitusi tidak boleh diberikan, keseluruhannya atau sebahagiannya, sama ada apa-apa pampasan boleh dibayar.

**Pelanggaran Bahagian IIIA adalah suatu kesalahan**

**24I.** (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Bahagian ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

*(a)* jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit;

*(b)* jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun, atau kedua-duanya.

(2) Dalam hal kesalahan yang berterusan, pesalah boleh, sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (1), didenda tidak melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Peraturan-peraturan berkaitan dengan terma kontrak yang tidak adil**

**24J.** Menteri boleh membuat apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat olehnya berkenaan dengan Bahagian ini.

## BAHAGIAN IV

## KESALAHAN, PEMBELAAN DAN REMEDI YANG BERHUBUNGAN DENGAN BAHAGIAN II DAN III

**Pelanggaran Bahagian II dan III menjadi suatu kesalahan**

**25.** (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Bahagian II dan III melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

*(a)* jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit;

*(b)* jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam hal kesalahan yang berterusan, pesalah hendaklah, sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (1), boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kesalahan yang disebabkan oleh perbuatan atau keingkaran orang lain**

**26.** Jika sesuatu kesalahan di bawah Bahagian II atau III disebabkan oleh perbuatan atau keingkaran seseorang lain, maka orang lain itu disifatkan telah melakukan kesalahan itu dan boleh dipertuduh dan disabitkan atas kesalahan itu sama ada atau tidak prosiding diambil terhadap orang yang mula-mula disebut itu.

**Pembelaan bagi kekhilafan, kemalangan, dsb.**

**27.** Dalam apa-apa prosiding bagi kesalahan di bawah seksyen 25, adalah menjadi suatu pembelaan jika orang yang dipertuduh itu membuktikan—

*(a)* bahawa pelanggaran itu disebabkan oleh—

(i) suatu kekhilafannya yang munasabah;

(ii) pergantungan yang munasabah pada maklumat yang diberikan kepadanya;

(iii) perbuatan atau keingkaran seseorang lain;

(iv) kemalangan; atau

(v) sesuatu sebab di luar kawalannya; dan

(*b*) bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan pelanggaran itu olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang di bawah kawalannya.

**Pembelaan penyiaran suci hati bagi iklan**

**28.** Jika kesalahan di bawah seksyen 25 dilakukan melalui penyiaran sesuatu iklan, adalah menjadi suatu pembelaan dalam mana-mana prosiding bagi kesalahan itu jika orang yang dipertuduh itu membuktikan bahawa—

(*a*) perniagaannya ialah menyiarkan atau mengurus penyiaran iklan; dan

(*b*) dia menerima iklan itu atau maklumat yang terkandung dalam iklan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi penyiaran dalam perjalanan biasa perniagaannya; dan

(*c*) dia tidak tahu dan tiada sebab untuk mengesyaki bahawa penyiaran iklan itu akan menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 25.

**Kuasa mahkamah untuk memberikan relief sampingan**

**29.** (1) Jika, dalam mana-mana prosiding di bawah Bahagian ini, atau atas permohonan oleh mana-mana orang, mahkamah mendapati bahawa orang itu, sama ada dia merupakan suatu pihak kepada prosiding itu atau tidak, telah menanggung atau mungkin menanggung kerugian atau kerosakan akibat perlakuan mana-mana orang lain yang menjadi atau akan menjadi—

(*a*) pelanggaran;

(*b*) pembantuan, persubahatan, penasihatan atau penyebab bagi pelanggaran;

(*c*) dorongan melalui ugutan, janji atau selainnya bagi pelanggaran;

(*d*) dengan apa-apa cara secara sedar terlibat dalam atau menjadi pihak kepada, sama ada secara langsung atau tidak langsung, pelanggaran; atau

*(e)* berkomplot dengan mana-mana orang lain dalam pelanggaran,

mana-mana peruntukan Bahagian II atau III, mahkamah boleh, tanpa menjejaskan mana-mana relief lain yang boleh diberikan olehnya, membuat mana-mana atau kesemua perintah yang disebut dalam subseksyen (2).

(2) Bagi maksud seksyen ini, mahkamah boleh membuat perintah yang berikut:

*(a)* perintah yang mengisytiharkan—

(i) keseluruhan atau mana-mana bahagian kontrak yang dibuat antara orang yang menanggung atau mungkin menanggung kerugian atau kerosakan dengan orang yang terlibat dalam perlakuan yang disebut dalam subseksyen (1); atau

(ii) keseluruhan atau mana-mana bahagian perkiraan kolateral yang berhubungan dengan kontrak itu, sebagai tidak sah dan, jika difikirkan patut oleh mahkamah, sebagai tidak sah *ab initio* atau pada bila-bila masa pada dan selepas apa-apa tarikh, sebelum tarikh perintah itu dibuat, yang dinyatakan dalam perintah itu;

*(b)* suatu perintah yang mengubah kontrak atau perkiraan itu mengikut apa-apa cara yang dinyatakan dalam perintah itu dan, jika difikirkan patut oleh mahkamah, mengisytiharkan kontrak atau perkiraan itu telah mempunyai kuat kuasa sebagaimana yang diubah sedemikian pada dan selepas apa-apa tarikh, sebelum tarikh perintah itu dibuat, yang dinyatakan dalam perintah itu;

*(c)* suatu perintah yang mengarahkan orang yang terlibat dalam perlakuan yang disebut dalam subseksyen (1)—

(i) membayar balik wang atau memulangkan harta;

(ii) membayar amaun kerugian atau kerosakan itu;

(iii) dengan perbelanjaan orang itu sendiri, membaiki atau mengadakan bahagian bagi barang yang telah dibekalkan olehnya;

(iv) dengan perbelanjaan orang itu sendiri, membekalkan perkhidmatan yang dinyatakan,

kepada orang yang menanggung atau mungkin menanggung, kerugian atau kerosakan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Suatu perintah di bawah perenggan (2)*(a)* atau *(b)* tidaklah menghalang prosiding dimulakan atau dikekalkan di bawah Bahagian ini.

(4) Dalam permohonan untuk mendapatkan perintah terhadap seseorang di bawah seksyen ini, sesuatu dapatan fakta yang dibuat dalam prosiding bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 25, yang merupakan prosiding yang mengikutnya orang itu didapati telah terlibat dalam perlakuan daripada jenis yang disebut dalam subseksyen (1), hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang fakta itu dan dapatan itu boleh dibuktikan dengan mengemukakan dokumen di bawah meterai mahkamah yang membuat dapatan itu.

## Bahagian V

## GERENTI BERKENAAN DENGAN PEMBEKALAN BARANG

### Pemakaian

**30.** Gerenti tersirat di bawah Bahagian ini hendaklah terpakai sama ada atau tidak barang yang dibekalkan itu adalah berkaitan dengan perkhidmatan.

### Gerenti tersirat mengenai hakmilik

**31.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (5), gerenti yang berikut hendaklah tersirat jika barang dibekalkan kepada pengguna:

*(a)* bahawa pembekal mempunyai hak untuk menjual barang itu;

*(b)* bahawa barang itu adalah bebas daripada apa-apa cagaran yang tidak didedahkan; dan

*(c)* bahawa pengguna mempunyai hak kepada milikan aman barang itu, kecuali setakat yang hak itu diubah oleh—

(i) sesuatu terma perjanjian bagi pembekalan jika perjanjian itu ialah perjanjian sewa beli mengikut pengertian Akta Sewa Beli 1967 [*Akta 212*];

(ii) cagaran yang didedahkan; atau

(iii) terma perjanjian untuk pembekalan.

(2) Jika subperenggan (1)*(c)*(ii) dan (iii) terpakai, pembekal hendaklah pertama-tamanya menasihati pengguna secara lisan mengenai cara bagaimana haknya kepada milikan aman barang itu boleh diubah.

(3) Nasihat yang diberikan oleh pembekal di bawah subseksyen (2) hendaklah sebagaimana yang mencukupi untuk membolehkan pengguna yang munasabah memahami bentuk umum dan kesan pengubahan itu.

(4) Jika pengguna telah menerima nasihat lisan di bawah subseksyen (2)—

*(a)* pembekal hendaklah memberi pengguna itu suatu salinan bertulis cagaran atau perjanjian untuk pembekalan atau salinan bertulis bahagiannya yang mengandungi peruntukan bagi pengubahan sebagaimana yang diterangkan kepada pengguna di bawah subseksyen (2); dan

*(b)* pengguna hendaklah mengakui secara bertulis penerimaan salinan itu.

(5) Jika barang itu hanyalah disewakan atau dipajakkan—

*(a)* perenggan (1)*(a)* dan *(b)* tidaklah terpakai; dan

*(b)* perenggan (1)*(c)* hendaklah memberikan hak milikan aman barang itu hanya selama tempoh sewaan atau pajakan itu.

(6) Bagi maksud seksyen ini—

"cagaran yang tidak didedahkan" ertinya apa-apa cagaran yang—

*(a)* tidak didedahkan kepada pengguna secara bertulis sebelum dia bersetuju kepada pembekalan; dan

*(b)* tidak diwujudkan oleh atau dengan izinnya yang nyata;

"hak untuk menjual" ertinya hak untuk melupuskan pemunyaan barang kepada pengguna pada masa pemunyaan itu berpindah.

**Gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima**

**32.** (1) Jika barang dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa barang itu adalah daripada kualiti boleh terima.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), barang itu adalah disifatkan daripada kualiti boleh terima—

*(a)* jika barang itu—

(i) sesuai bagi semua maksud yang baginya barang daripada jenis yang berkenaan itu lazimnya dibekalkan;

(ii) dapat diterima dari segi rupa dan kemasan;

(iii) bebas daripada kecacatan yang kecil;

(iv) selamat; dan

(v) tahan lama; dan

*(b)* seseorang pengguna yang munasabah yang tahu sepenuhnya tentang sifat dan keadaan barang itu, termasuk apa-apa kecacatan yang tersembunyi, akan menganggap barang itu sebagai dapat diterima dengan mengambil kira—

(i) jenis barang;

(ii) harga;

(iii) apa-apa pernyataan yang dibuat mengenai barang itu pada apa-apa pembungkus atau label pada barang itu;

(iv) apa-apa representasi yang dibuat mengenai barang itu oleh pembekal atau pengilang; dan

(v) semua hal keadaan lain yang berkaitan dengan pembekalan barang itu.

(3) Jika apa-apa kecacatan pada barang itu telah dibawa secara khusus kepada pengetahuan pengguna sebelum dia bersetuju dengan pembekalan itu, maka barang itu tidaklah disifatkan gagal untuk mematuhi gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima hanya oleh sebab kecacatan itu.

(4) Jika barang dipamerkan untuk jualan atau sewaan, kecacatan yang dianggap telah dibawa secara khusus kepada pengetahuan pengguna bagi maksud subseksyen (3) ialah kecacatan yang didedahkan dalam suatu notis bertulis yang dipamerkan bersama barang itu.

(5) Barang tidaklah disifatkan telah gagal untuk mematuhi gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima jika—

*(a)* barang itu telah digunakan dengan cara atau sehingga takat yang tidak selaras dengan cara atau takat kegunaan yang dijangkakan oleh seseorang pengguna munasabah akan didapati olehnya daripada barang itu; dan

*(b)* barang itu akan mematuhi gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima jika barang itu tidak digunakan dengan cara atau sehingga takat itu.

(6) Sebutan dalam subseksyen (3) dan (4) tentang sesuatu kecacatan ialah sebutan tentang apa-apa kegagalan barang itu untuk mematuhi gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima.

**Gerenti tersirat mengenai kesesuaian bagi maksud tertentu**

**33.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), gerenti yang berikut hendaklah tersirat jika barang dibekalkan kepada pengguna:

*(a)* bahawa barang itu adalah semunasabahnya sesuai bagi apa-apa maksud tertentu yang telah dimaklumkan, secara nyata atau tersirat, oleh pengguna kepada pembekal sebagai maksud barang itu diperoleh oleh pengguna; dan

(*b*) bahawa barang itu adalah semunasabahnya sesuai untuk apa-apa maksud tertentu yang telah dinyatakan oleh pembekal bahawa barang itu sesuai atau akan menjadi sesuai baginya.

(2) Gerenti tersirat yang disebut dalam subseksyen (1) tidaklah terpakai jika hal keadaan menunjukkan bahawa—

(*a*) pengguna tidak bergantung pada kemahiran atau pertimbangan pembekal; atau

(*b*) adalah tidak munasabah bagi pengguna untuk bergantung pada kemahiran atau pertimbangan pembekal.

(3) Seksyen ini hendaklah terpakai sama ada atau tidak maksud itu ialah maksud yang untuknya barang itu lazimnya dibekalkan.

**Gerenti tersirat bahawa barang mematuhi perihal**

**34.** (1) Jika barang dibekalkan dengan menggunakan perihal kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa barang itu bersamaan dengan perihal itu.

(2) Sesuatu pembekalan barang tidaklah terhalang daripada menjadi pembekalan dengan menggunakan perihal hanya oleh sebab, setelah didedahkan untuk jualan atau sewaan, pengguna memilihnya.

(3) Jika barang dibekalkan dengan merujuk kepada sampel atau model tunjuk cara serta juga dengan menggunakan perihal, gerenti tersirat dalam seksyen ini dan seksyen 35 hendaklah terpakai.

**Gerenti tersirat bahawa barang mematuhi sampel**

**35.** (1) Gerenti yang berikut hendaklah tersirat jika barang dibekalkan kepada pengguna dengan merujuk kepada sampel atau model tunjuk cara:

(*a*) bahawa barang itu bersamaan dengan sampel atau model tunjuk cara itu dari segi kualiti; dan

(*b*) bahawa pengguna akan mempunyai peluang yang munasabah untuk membandingkan barang itu dengan sampel atau model tunjuk cara itu.

(2) Jika barang itu dibekalkan dengan merujuk kepada perihal serta juga dengan menggunakan sampel atau model tunjuk cara, gerenti tersirat dalam seksyen ini dan seksyen 34 hendaklah terpakai.

## Gerenti tersirat mengenai harga

**36.** (1) Jika barang dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa pengguna tidaklah kena membayar kepada pembekal lebih daripada harga yang munasabah bagi barang itu jika harga barang itu tidak—

*(a)* ditentukan melalui kontrak;

*(b)* dibiarkan untuk ditentukan dengan cara yang dipersetujui melalui kontrak; atau

*(c)* dibiarkan untuk ditentukan menurut perjalanan urusan antara pihak-pihak itu.

(2) Jika terdapat kegagalan untuk mematuhi gerenti tersirat di bawah subseksyen (1), hak tebus rugi bagi pengguna hanyalah untuk enggan membayar lebih daripada harga yang munasabah itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Bahagian VI boleh dikira sebagai memberi pengguna apa-apa hak tebus rugi yang lain.

(4) Bagi maksud seksyen ini, apa yang dikatakan "harga yang munasabah" ialah persoalan fakta yang bergantung pada hal keadaan setiap kes tertentu, dan jika harga telah ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, harga yang munasabah hendaklah sebagaimana yang dinyatakan di bawah undang-undang bertulis itu.

## Gerenti tersirat mengenai pembaikan dan barang ganti

**37.** (1) Jika barang import atau buatan tempatan dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa pengilang dan pembekal akan mengambil tindakan munasabah untuk memastikan bahawa kemudahan bagi pembaikan barang itu dan bekalan barang ganti bagi barang itu boleh didapati dengan munasabah selama suatu tempoh yang munasabah selepas barang itu dibekalkan sedemikian.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai jika tindakan munasabah telah diambil untuk memaklumkan pengguna, pada atau sebelum masa barang import atau buatan tempatan itu dibekalkan, bahawa pengilang atau pembekal atau kedua-duanya tidak mengaku janji bahawa kemudahan pembaikan dan barang ganti akan boleh didapati bagi barang itu.

(3) Jika tindakan munasabah telah diambil untuk memaklumkan pengguna, pada atau sebelum masa barang itu dibekalkan, bahawa pengilang atau pembekal atau kedua-duanya tidak mengaku janji bahawa kemudahan pembaikan dan barang ganti akan boleh didapati bagi barang itu selepas tamat suatu tempoh tertentu, subseksyen (1) tidaklah terpakai berhubung dengan barang import atau buatan tempatan itu selepas tamat tempoh itu.

**Gerenti nyata pengilang**

**38.** (1) Sesuatu gerenti nyata yang diberikan oleh pengilang barang yang dibekalkan kepada pengguna hendaklah mengikat pengilang itu setakat yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (3) dan (4).

(2) Sesuatu gerenti nyata berkenaan dengan barang yang diberikan oleh pengilang dalam sesuatu dokumen mengikat pengilang itu jika dokumen itu diberikan kepada pengguna dengan kuasa sebenar atau tampak pengilang itu berkaitan dengan pembekalan barang itu oleh pembekal kepada pengguna.

(3) Sesuatu gerenti nyata yang terkandung dalam sesuatu dokumen yang berhubungan dengan barang dan yang tampaknya telah dibuat oleh pengilang barang itu hendaklah, dalam ketiadaan bukti sebaliknya, dianggap telah dibuat oleh pengilang itu.

(4) Bukti bahawa pengguna telah diberi dokumen yang mengandungi gerenti nyata oleh pengilang berkenaan dengan barang berkaitan dengan pembekalan barang itu kepada pengguna itu hendaklah, dalam ketiadaan bukti sebaliknya, menjadi bukti bahawa dokumen itu telah diberikan kepada pengguna itu dengan kebenaran pengilang itu.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "gerenti nyata", berhubung dengan apa-apa barang, ertinya suatu aku janji, penegasan atau representasi yang berhubungan dengan—

*(a)* kualiti, prestasi atau ciri-ciri barang itu;

*(b)* pemberian perkhidmatan yang diperlukan atau mungkin pada bila-bila masa diperlukan berkenaan dengan barang itu;

*(c)* pembekalan barang ganti yang diperlukan atau mungkin pada bila-bila masa diperlukan bagi barang itu;

*(d)* kebolehdapatan pada masa hadapan barang yang serupa, atau barang yang menjadi atau membentuk sebahagian daripada suatu set yang dibentuk sebahagiannya oleh barang yang berhubungan dengannya aku janji, penegasan atau representasi itu diberikan atau dibuat; atau

*(e)* pemulangan wang atau balasan lain sekiranya barang itu tidak memenuhi apa-apa aku janji oleh penggerenti,

yang diberikan atau dibuat berkaitan dengan pembekalan barang itu atau berkaitan dengan penggalakan melalui apa-apa cara pembekalan atau penggunaan barang itu.

## BAHAGIAN VI

## HAK TERHADAP PEMBEKAL BERKENAAN DENGAN GERENTI DALAM PEMBEKALAN BARANG

### Hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal

**39.** Bahagian ini memberi pengguna hak tebus rugi terhadap pembekal barang jika barang itu gagal untuk mematuhi mana-mana gerenti tersirat di bawah seksyen 31 hingga 37.

**Kekecualian berkenaan dengan gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima**

**40.** Walau apa pun seksyen 39, tiada hak tebus rugi terhadap pembekal barang di bawah Akta ini berkenaan dengan kegagalan barang itu untuk mematuhi gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima jika—

*(a)* pengilang membuat representasi berkenaan dengan barang itu selain dengan suatu pernyataan pada apa-apa pembungkus atau label; dan

*(b)* barang itu akan mematuhi gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima sekiranya representasi itu telah tidak dibuat.

**Pilihan terhadap pembekal jika barang tidak mematuhi gerenti**

**41.** (1) Jika pengguna mempunyai hak tebus rugi terhadap pembekal di bawah Bahagian ini berkenaan dengan kegagalan apa-apa barang untuk mematuhi gerenti di bawah Bahagian V, pengguna itu boleh menggunakan remedi yang berikut:

*(a)* jika kegagalan itu ialah kegagalan yang dapat dibetulkan, pengguna boleh menghendaki pembekal membetulkan kegagalan itu dalam masa yang munasabah mengikut seksyen 42; dan

*(b)* jika kegagalan itu ialah kegagalan yang tidak dapat dibetulkan atau bersifat substansial mengikut pengertian seksyen 44 pengguna boleh—

(i) tertakluk kepada seksyen 43, menolak barang itu mengikut seksyen 45; atau

(ii) mendapatkan ganti rugi daripada pembekal sebagai pampasan bagi apa-apa penurunan nilai barang itu ke bawah harga yang telah dibayar atau kena dibayar oleh pengguna bagi barang itu.

(2) Sebagai tambahan kepada remedi di bawah subseksyen (1), pengguna boleh mendapatkan ganti rugi daripada pembekal bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh pengguna, selain kerugian atau kerosakan oleh sebab penurunan nilai barang itu yang terbukti sebagai hasil atau akibat daripada kegagalan itu.

(3) Jika pembekal enggan atau abai untuk membetulkan kegagalan sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (1)*(a)*, atau enggan atau abai untuk berbuat demikian dalam masa yang munasabah, pengguna boleh—

*(a)* membetulkan kegagalan itu di tempat lain dan mendapatkan semua kos munasabah yang ditanggung dalam membetulkan kegagalan itu daripada pembekal itu; atau

*(b)* tertakluk kepada seksyen 43, menolak barang itu mengikut seksyen 45.

**Memenuhi kehendak supaya membetulkan kegagalan**

**42.** (1) Seseorang pembekal boleh memenuhi kehendak di bawah seksyen 41 supaya membetulkan kegagalan apa-apa barang untuk mematuhi sesuatu gerenti dengan—

*(a)* membaiki barang, jika kegagalan itu tidak berkaitan dengan hakmilik;

*(b)* memulihkan apa-apa kecacatan hakmilik, jika kegagalan itu berkaitan dengan hakmilik;

*(c)* menggantikan barang itu dengan barang yang serupa jenisnya; atau

*(d)* memberikan bayaran balik apa-apa wang yang telah dibayar atau balasan lain yang telah diberikan oleh pengguna berkenaan dengan barang itu jika pembekal tidak dapat dengan munasabahnya dikehendaki membaiki atau menggantikan barang itu atau memulihkan apa-apa kecacatan hakmilik.

(2) Jika seseorang pengguna mendapat barang bagi menggantikan barang yang cacat di bawah perenggan (1)*(c)*, barang gantian itu hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan telah dibekalkan oleh pembekal dan gerenti dan obligasi di bawah Akta ini yang berhubungan dengan pembekalan barang kepada seseorang pengguna hendaklah terpakai bagi barang gantian itu.

(3) Bayaran balik di bawah perenggan (1)*(d)* ertinya bayaran balik secara tunai wang yang telah dibayar atau nilai apa-apa balasan lain yang diberikan, atau kedua-duanya, mengikut kehendak keadaan.

**Kehilangan hak untuk menolak barang**

**43.** (1) Hak yang diberikan di bawah Akta ini untuk menolak barang tidaklah terpakai jika—

*(a)* hak itu tidak digunakan dalam masa yang munasabah;

*(b)* barang itu telah dilupuskan oleh pengguna;

*(c)* barang itu telah hilang atau musnah semasa dalam milikan seseorang selain pembekal;

*(d)* barang itu telah rosak selepas dihantarserahkan kepada pengguna atas sebab-sebab yang tidak berhubungan dengan keadaan atau sifatnya semasa dibekalkan; atau

*(e)* barang itu telah dipasang pada atau digabungkan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan barang itu tidak dapat dipisahkan atau diasingkan tanpa merosakkannya.

(2) Bagi maksud perenggan (1)*(a)*, "masa yang munasabah" ertinya suatu tempoh dari masa pembekalan barang yang dalam tempoh itu adalah munasabah untuk menjangkakan kecacatan itu akan menjadi ketara dengan mengambil kira—

*(a)* jenis barang itu;

*(b)* kegunaan yang untuknya pengguna mungkin menggunakan barang itu;

*(c)* jangka masa yang munasabah bagi barang itu digunakan; dan

*(d)* banyaknya penggunaan yang munasabah bagi barang itu sebelum kecacatan itu menjadi ketara.

**Kegagalan yang bersifat substansial**

**44.** Bagi maksud perenggan 41(1)*(b)*, kegagalan untuk mematuhi gerenti adalah bersifat substansial jika—

*(a)* barang itu tidak mungkin akan diperoleh oleh pengguna yang munasabah yang tahu dengan sepenuhnya sifat dan takat kegagalan itu;

*(b)* dari satu segi penting atau lebih barang itu tidak menepati perihal yang dengannya barang itu dibekalkan atau, jika dibekalkan dengan merujuk kepada sampel atau model tunjuk cara, tidak menepati sampel atau model tunjuk cara itu;

*(c)* barang-barang itu—

(i) pada matannya tidak sesuai bagi sesuatu maksud yang baginya barang jenis yang berkenaan itu pada lazimnya dibekalkan; atau

(ii) jika subseksyen 33(1) terpakai, tidak sesuai bagi maksud tertentu yang telah dimaklumkan kepada pembekal atau dinyatakan oleh pembekal sebagai maksud yang baginya barang itu sesuai,

dan barang itu tidak dapat dibetulkan dengan mudah dan dalam masa yang munasabah bagi menjadikannya sesuai bagi maksud itu; atau

*(d)* kualiti barang itu bukanlah kualiti boleh terima mengikut pengertian seksyen 32 kerana ia tidak selamat.

**Cara menolak barang**

**45.** (1) Pengguna hendaklah menggunakan hak yang diberikan di bawah Akta ini untuk menolak barang dengan cara memberitahu pembekal tentang keputusan untuk menolak barang itu dan tentang alasan atau alasan-alasan bagi penolakan itu.

(2) Jika pengguna menggunakan hak untuk menolak barang, pengguna hendaklah memulangkan barang yang ditolak itu kepada pembekal melainkan jika—

*(a)* oleh sebab—

(i) sifat kegagalan untuk mematuhi gerenti yang berkenaan dengannya pengguna mempunyai hak untuk menolak barang itu; atau

(ii) saiz atau ketinggian atau cara pemasangannya,

barang itu tidak dapat dipulangkan atau dipindahkan atau diangkut tanpa kos yang banyak kepada pengguna, dan dalam hal itu pembekal hendaklah mengambil barang itu dengan perbelanjaannya sendiri;

*(b)* oleh sebab cara pemasangannya barang itu tidak dapat dipulangkan atau dipindahkan tanpa kerosakan yang banyak kepada harta tak alih atau harta alih yang kepadanya barang itu dipasangkan, dan dalam hal itu pembekal hendaklah mengganti rugi pengguna bagi apa-apa kerugian atau kerosakan akibat atau hasil daripada pemindahan itu; atau

*(c)* barang itu sudah pun dipulangkan kepada, atau diambil semula oleh, pembekal.

(3) Jika pemunyaan barang itu telah berpindah kepada pengguna sebelum pengguna menggunakan hak penolakan, pemunyaan dalam barang itu terletak hak semula pada pembekal dengan pemberitahuan penolakan itu.

**Pilihan pengguna untuk mendapat bayaran balik atau gantian**

**46.** (1) Jika pengguna menggunakan hak untuk menolak barang yang diberikan di bawah Akta ini, pengguna boleh memilih untuk mendapat—

*(a)* bayaran balik apa-apa wang yang dibayar atau apa-apa balasan lain yang diberikan oleh pengguna berkenaan dengan barang yang ditolak itu; atau

*(b)* barang yang sama jenisnya dan serupa nilainya untuk menggantikan barang yang ditolak itu jika barang itu boleh didapati dengan semunasabahnya oleh pembekal sebagai sebahagian daripada stok pembekal,

dan pembekal hendaklah membuat peruntukan yang sewajarnya.

(2) Bayaran balik yang disebut dalam perenggan (1)*(a)* ertinya bayaran balik secara tunai wang yang telah dibayar atau nilai apa-apa balasan lain yang diberikan, atau kedua-duanya, mengikut kehendak keadaan.

(3) Obligasi untuk membayar balik wang tidak boleh dipenuhi dengan membenarkan pengguna memperoleh barang lain daripada pembekal.

(4) Jika pengguna mendapat barang untuk menggantikan barang yang ditolak di bawah perenggan (1)*(b)*, barang gantian itu hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan telah dibekalkan oleh pembekal, dan gerenti dan obligasi di bawah Akta ini yang berhubungan dengan pembekalan barang itu kepada pengguna hendaklah terpakai bagi barang gantian itu.

**Taksiran ganti rugi dalam hal perjanjian sewa beli**

**47.** Ganti rugi yang boleh didapati oleh pengguna bagi kegagalan barang yang dibekalkan di bawah perjanjian sewa beli untuk mematuhi gerenti di bawah Akta ini hendaklah ditaksirkan, dalam ketiadaan keterangan yang sebaliknya, atas dasar bahawa pengguna akan menyempurnakan pembelian barang itu atau akan menyempurnakan pembelian jika barang itu mematuhi gerenti itu.

**Liabiliti bagi representasi**

**48.** (1) Jika barang yang diserahhakkan atau didapatkan untuk diserahhakkan kepada pembekal oleh seseorang yang bertindak secara perdagangan ("pengedar") dibekalkan kepada pengguna, tiap-tiap representasi yang dibuat kepada pengguna itu oleh pengedar itu

atau seseorang yang bertindak bagi pihak pengedar itu berkaitan dengan, atau dalam perjalanan rundingan yang membawa kepada, pembekalan barang itu hendaklah memberi pengguna—

*(a)* terhadap pembekal, tertakluk kepada seksyen 49, hak yang sama sebagaimana yang akan didapati oleh pengguna di bawah Akta ini sekiranya representasi itu telah dibuat oleh pembekal sendiri; dan

*(b)* terhadap pengedar yang membuat representasi dan mana-mana orang yang bagi pihaknya pengedar bertindak dalam membuat representasi itu, hak yang sama terhadap mana-mana daripada atau kesemua mereka itu sendiri sebagaimana yang akan didapati oleh pengguna sememang akan mendapat di bawah Akta ini sekiranya orang itu telah membekalkan barang itu kepada pengguna sebagai hasil rundingan itu.

(2) Tanpa menjejaskan mana-mana hak atau remedi lain yang pembekal mungkin berhak kepadanya, pembekal adalah berhak, jika representasi dibuat tanpa kebenarannya secara nyata atau tersirat, untuk ditanggung rugi oleh pengedar yang membuat representasi itu dan oleh mana-mana orang yang bagi pihaknya itu pengedar bertindak dalam membuatnya, terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung oleh pembekal melalui kuat kuasa subseksyen (1).

**Liabiliti pemegang serah hak dan pembiaya**

**49.** (1) Seksyen ini hendaklah terpakai hanya berkenaan dengan perjanjian sewa beli.

(2) Liabiliti di bawah Akta ini bagi pemegang serah hak hak pembekal di bawah sesuatu kontrak pembekalan tidak boleh melebihi amaun yang terhutang oleh pengguna di bawah kontrak itu pada tarikh penyerahhakan.

(3) Liabiliti di bawah Akta ini bagi pembiaya yang telah meminjamkan wang berdasarkan cagaran barang yang dibekalkan kepada pengguna tidak boleh melebihi amaun yang terhutang oleh pengguna pada tarikh peminjaman.

(4) Jika pemegang serah hak yang disebut dalam subseksyen (2) atau pembiaya yang disebut dalam subseksyen (3) menanggung apa-apa kerugian disebabkan oleh liabiliti kepada pengguna di bawah Akta ini, pemegang serah hak atau pembiaya itu hendaklah, tertakluk kepada apa-apa perjanjian dengan pembekal, berhak untuk ditanggung rugi oleh pembekal terhadap kerugian itu.

(5) Tiada penyerahhakan hak di bawah sesuatu kontrak pembekalan boleh menjejaskan penggunaan mana-mana hak atau remedi yang diberikan di bawah Akta ini terhadap pembekal.

## Bahagian VII

## HAK TERHADAP PENGILANG BERKENAAN DENGAN GERENTI DALAM PEMBEKALAN BARANG

### Hak tebus rugi pengguna terhadap pengilang

**50.** Bahagian ini memberi pengguna hak tebus rugi terhadap pengilang barang jika—

*(a)* barang itu gagal untuk mematuhi gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima di bawah seksyen 32;

*(b)* barang itu gagal untuk mematuhi gerenti tersirat mengenai persamaan dengan perihal di bawah seksyen 34 disebabkan oleh kegagalan barang itu untuk menyamai perihal yang matan yang digunakan untuk barang itu oleh atau bagi pihak pengilang itu atau dengan keizinan nyata atau tersirat pengilang itu;

*(c)* barang itu gagal untuk mematuhi gerenti tersirat mengenai pembaikan dan barang ganti di bawah seksyen 37;

*(d)* barang itu gagal, dalam tempoh gerenti itu, untuk mematuhi apa-apa gerenti nyata yang diberikan oleh pengilang yang mengikat pengilang itu mengikut seksyen 38.

**Kekecualian kepada hak untuk tebus rugi terhadap pengilang**

**51.** Walau apa pun seksyen 50, maka tidaklah ada hak tebus rugi terhadap pengilang di bawah Akta ini berkenaan dengan barang yang gagal untuk mematuhi gerenti tersirat di bawah seksyen 32 atau 34 jika kegagalan itu disebabkan oleh—

*(a)* sesuatu perbuatan, keingkaran atau peninggalan, atau apa-apa representasi yang dibuat oleh, seseorang selain pengilang; atau

*(b)* sesuatu sebab di luar kawalan manusia, yang berlaku selepas barang itu tidak lagi di bawah kawalan pengilang.

**Pilihan terhadap pengilang jika barang tidak mematuhi gerenti**

**52.** (1) Jika pengguna mempunyai hak tebus rugi terhadap pengilang di bawah Bahagian ini berkenaan dengan kegagalan apa-apa barang untuk mematuhi gerenti di bawah Bahagian V, pengguna itu boleh mendapatkan ganti rugi daripada pengilang itu—

*(a)* bagi apa-apa penurunan nilai barang itu hasil daripada kegagalan pengilang iaitu—

(i) penurunan ke bawah harga yang dibayar atau kena dibayar oleh pengguna bagi barang itu; atau

(ii) penurunan ke bawah harga purata runcit bagi barang itu pada masa pembekalan,

mengikut mana-mana harga yang lebih rendah;

*(b)* bagi apa-apa kerugian atau kerosakan kepada pengguna itu hasil daripada kegagalan pengilang, selain kerugian atau kerosakan oleh sebab penurunan nilai barang, yang terbukti sebagai hasil atau kesan daripada kegagalan itu.

(2) Jika pengguna adalah berhak melalui gerenti nyata yang diberikan oleh pengilang untuk menghendaki pengilang itu membetulkan kegagalan itu dengan—

*(a)* membaiki barang itu; atau

*(b)* menggantikan barang itu dengan barang yang serupa jenisnya,

tiada tindakan boleh dimulakan di bawah perenggan (1)*(a)* melainkan jika pengguna itu telah menghendaki pengilang supaya membetulkan kegagalan itu dan pengilang telah enggan atau abai untuk membetulkan kegagalan itu, atau telah tidak berjaya untuk membetulkan kegagalan itu, dalam masa yang munasabah.

## Bahagian VIII

## GERENTI BERKENAAN DENGAN PEMBEKALAN PERKHIDMATAN

### Gerenti tersirat mengenai ketelitian dan kemahiran munasabah

**53.** Jika perkhidmatan dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa perkhidmatan itu akan dijalankan dengan ketelitian dan kemahiran yang munasabah dan apa-apa bahan yang dibekalkan berkaitan dengan perkhidmatan itu adalah bersesuaian bagi maksud perkhidmatan itu dibekalkan.

### Gerenti tersirat mengenai kesesuaian bagi maksud tertentu

**54.** (1) Jika perkhidmatan dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa perkhidmatan itu, dan apa-apa keluaran hasil daripada perkhidmatan itu, akan—

*(a)* semunasabahnya sesuai bagi apa-apa maksud tertentu; dan

*(b)* daripada jenis dan kualiti yang semunasabahnya dapat dijangka akan mencapai apa-apa hasil tertentu,

yang dimaklumkan oleh pengguna kepada pembekal, sebelum atau pada masa kontrak dibuat bagi pembekalan perkhidmatan itu, sebagai maksud tertentu yang baginya perkhidmatan itu dikehendaki atau hasil yang pengguna berhasrat untuk mencapainya.

(2) Gerenti tersirat yang disebut dalam subseksyen (1) tidaklah terpakai jika hal keadaan menunjukkan bahawa—

*(a)* pengguna tidak bergantung pada kemahiran atau pertimbangan pembekal; atau

*(b)* tidaklah munasabah bagi pengguna untuk bergantung pada kemahiran atau pertimbangan pembekal.

**Gerenti tersirat mengenai masa siap**

**55.** Jika perkhidmatan dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa perkhidmatan itu akan disiapkan dalam masa yang munasabah jika masa bagi perkhidmatan yang akan dijalankan itu tidak—

*(a)* ditentukan melalui kontrak;

*(b)* dibiarkan untuk ditentukan dengan cara yang dipersetujui melalui kontrak; atau

*(c)* dibiarkan untuk ditentukan menurut perjalanan urusan antara pihak-pihak itu.

**Gerenti tersirat mengenai harga**

**56.** (1) Jika perkhidmatan dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa pengguna tidak dikenakan membayar kepada pembekal lebih daripada harga yang munasabah bagi perkhidmatan itu jika harga perkhidmatan itu tidak—

*(a)* ditentukan melalui kontrak;

*(b)* dibiarkan untuk ditentukan dengan cara yang dipersetujui melalui kontrak; atau

*(c)* dibiarkan untuk ditentukan menurut perjalanan urusan antara pihak-pihak itu.

(2) Jika terdapat kegagalan untuk mematuhi gerenti tersirat di bawah subseksyen (1), hak tebus rugi bagi pengguna hanyalah untuk enggan membayar lebih daripada harga yang munasabah itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Bahagian IX boleh dikira sebagai memberi pengguna apa-apa hak tebus rugi yang lain.

(4) Bagi maksud seksyen ini, apa yang dikatakan "harga yang munasabah" ialah persoalan fakta yang bergantung pada hal keadaan setiap kes tertentu, dan jika harga telah ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, harga yang munasabah hendaklah sebagaimana yang dinyatakan di bawah undang-undang bertulis itu.

## Bahagian IX

## HAK TERHADAP PEMBEKAL BERKENAAN DENGAN GERENTI DALAM PEMBEKALAN PERKHIDMATAN

### Hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal

**57.** Bahagian ini memberi pengguna hak tebus rugi terhadap pembekal perkhidmatan jika perkhidmatan atau keluaran hasil daripada perkhidmatan itu gagal untuk mematuhi mana-mana gerenti tersirat di bawah seksyen 53 hingga 55.

### Kekecualian kepada hak untuk tebus rugi terhadap pembekal berhubung dengan perkhidmatan

**58.** Walau apa pun seksyen 57, maka tidaklah ada hak tebus rugi terhadap pembekal di bawah Akta ini berkenaan dengan kegagalan perkhidmatan atau apa-apa keluaran hasil daripada perkhidmatan itu untuk mematuhi gerenti tersirat di bawah seksyen 54 atau 55 jika kegagalan itu disebabkan oleh—

*(a)* sesuatu perbuatan, keingkaran atau peninggalan, atau apa-apa representasi yang dibuat oleh, seseorang selain pembekal; atau

*(b)* suatu sebab di luar kawalan manusia.

### Kontrak kerja dan bahan

**59.** Tiada apa-apa jua dalam seksyen 57 boleh mengehadkan atau menjejaskan hak pengguna di bawah Bahagian VI atau VII jika kontrak itu ialah kontrak yang melibatkan kerja dan bahan.

**Pilihan terhadap pembekal jika perkhidmatan tidak mematuhi gerenti**

**60.** (1) Jika pengguna mempunyai hak tebus rugi terhadap pembekal di bawah Bahagian ini berkenaan dengan kegagalan apa-apa perkhidmatan atau apa-apa keluaran hasil daripada perkhidmatan itu untuk mematuhi gerenti di bawah Bahagian VIII, pengguna itu boleh menggunakan remedi yang berikut:

*(a)* jika kegagalan itu ialah kegagalan yang dapat dibetulkan, pengguna boleh menghendaki pembekal membetulkan kegagalan itu dalam masa yang munasabah;

*(b)* jika kegagalan itu ialah kegagalan yang tidak dapat dibetulkan atau bersifat substansial mengikut pengertian seksyen 62, pengguna boleh—

(i) tertakluk kepada seksyen 61, membatalkan kontrak bagi pembekalan perkhidmatan itu mengikut seksyen 63; atau

(ii) mendapatkan ganti rugi daripada pembekal sebagai pampasan bagi apa-apa penurunan nilai keluaran hasil daripada perkhidmatan itu ke bawah caj yang telah dibayar atau kena dibayar oleh pengguna bagi perkhidmatan itu.

(2) Sebagai tambahan kepada remedi di bawah subseksyen (1), pengguna boleh mendapatkan ganti rugi daripada pembekal bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh pengguna selain kerugian atau kerosakan oleh sebab penurunan nilai keluaran hasil daripada perkhidmatan itu yang terbukti sebagai hasil atau akibat daripada kegagalan itu.

(3) Jika pembekal enggan atau abai untuk membetulkan kegagalan sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (1)*(a)*, atau enggan atau abai untuk berbuat demikian dalam masa yang munasabah, pengguna boleh—

*(a)* membetulkan kegagalan itu di tempat lain dan mendapatkan semua kos munasabah yang ditanggung dalam membetulkan kegagalan itu daripada pembekal; atau

*(b)* tertakluk kepada seksyen 61, membatalkan kontrak bagi pembekalan perkhidmatan itu mengikut seksyen 63.

**Kehilangan hak untuk membatalkan kontrak**

**61.** Hak yang diberikan di bawah Akta ini untuk membatalkan kontrak tidaklah terpakai jika—

*(a)* perkhidmatan yang dibekalkan di bawah kontrak hanyalah bersampingan kepada pembekalan barang; dan

*(b)* pengguna mempunyai atau telah mempunyai hak untuk menolak barang itu di bawah seksyen 41, sama ada atau tidak dia menggunakan hak itu.

**Kegagalan yang bersifat substansial**

**62.** Bagi maksud perenggan 60(1)*(b)*, kegagalan untuk mematuhi gerenti adalah bersifat substansial jika—

*(a)* keluaran hasil daripada perkhidmatan itu—

(i) pada matannya tidak sesuai bagi sesuatu maksud yang baginya perkhidmatan jenis yang berkenaan itu pada lazimnya dibekalkan; atau

(ii) jika subseksyen 54(1) terpakai—

(A) tidak sesuai bagi maksud tertentu yang telah dimaklumkan kepada pembekal; atau

(B) adalah sedemikian rupa jenis dan kualitinya sehingga keluaran itu tidak dapat dijangka akan mencapai sesuatu hasil tertentu yang telah dimaklumkan kepada pembekal,

dan keluaran itu tidak dapat dibetulkan dengan mudah dan dalam masa yang munasabah bagi menjadikannya sesuai bagi maksud tertentu atau untuk mencapai hasil tertentu itu; atau

*(b)* keluaran hasil daripada perkhidmatan itu adalah tidak selamat.

**Kaedah-kaedah yang terpakai bagi pembatalan kontrak**

**63.** (1) Sesuatu pembatalan kontrak bagi pembekalan perkhidmatan tidak akan berkuat kuasa—

*(a)* sebelum masa pembatalan itu dimaklumkan kepada pembekal; atau

*(b)* jika pembekal tidak dapat dihubungi dengan cara munasabah untuk dilaksanakan, sebelum masa pengguna menunjukkan kepada pembekal, dengan cara yang munasabah dalam hal keadaan itu, niatnya untuk membatalkan kontrak itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), pembatalan kontrak boleh dimaklumkan dengan perkataan atau perlakuan atau kedua-duanya yang menunjukkan niat pengguna untuk membatalkan kontrak itu, dan tidaklah perlu untuk menggunakan apa-apa perkataan tertentu, selagi niat untuk membatalkan kontrak itu jelas.

(3) Jika pembekal dapat dihubungi dengan cara yang munasabah untuk dilaksanakan, subseksyen (2) hendaklah mula berkuat kuasa tertakluk kepada apa-apa peruntukan nyata dalam kontrak itu yang menghendaki notis pembatalan dalam bentuk bertulis.

**Kesan pembatalan kontrak**

**64.** (1) Jika pengguna menggunakan hak yang diberikan di bawah Akta ini untuk membatalkan kontrak bagi pembekalan perkhidmatan—

*(a)* pengguna berhak untuk mendapat bayaran balik daripada pembekal apa-apa wang yang telah dibayar atau apa-apa balasan lain yang telah diberikan berkenaan dengan perkhidmatan itu melainkan jika mahkamah atau Tribunal, mengikut mana-mana yang berkenaan, memerintahkan bahawa pembekal boleh menyimpan kesemua atau mana-mana bahagian wang yang telah dibayar atau apa-apa balasan lain yang telah diberikan oleh pengguna;

*(b)* setakat yang kontrak itu telah dilaksanakan pada masa pembatalan, tiada pihak boleh oleh sebab pembatalan dilucut haknya mengenai apa-apa harta yang dipindahkan

atau wang yang dibayar di bawah kontrak itu, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan *(a)*; dan

*(c)* setakat yang kontrak itu masih belum dilaksanakan pada masa pembatalan, tiada pihak wajib atau berhak untuk melaksanakannya selanjutnya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menyentuh—

*(a)* hak sesuatu pihak untuk mendapat ganti rugi berkenaan dengan salah nyataan atau penolakan atau pelanggaran kontrak oleh pihak lain;

*(b)* hak pengguna untuk mendapat ganti rugi di bawah subperenggan 60(1)*(b)*(ii) atau subseksyen 60(2) bagi kegagalan untuk mematuhi gerenti; atau

*(c)* hak pengguna di bawah Akta ini untuk menolak barang yang dibekalkan berkaitan dengan perkhidmatan.

**Kuasa mahkamah untuk memberikan relief sampingan**

**65.** (1) Jika pengguna membatalkan sesuatu kontrak bagi pembekalan perkhidmatan di bawah Akta ini, mahkamah, dalam apa-apa prosiding atau atas permohonan yang dibuat bagi maksud itu, boleh membuat apa-apa perintah atau perintah-perintah memberikan relief di bawah seksyen ini sebagaimana yang difikirkannya adil dan praktik untuk berbuat demikian.

(2) Permohonan untuk mendapatkan suatu perintah di bawah seksyen ini boleh dibuat oleh—

*(a)* pengguna;

*(b)* pembekal; atau

*(c)* mana-mana orang lain yang menanggung kerugian.

(3) Sesuatu perintah di bawah seksyen ini boleh—

*(a)* meletakhakkan pada mana-mana pihak kepada prosiding itu keseluruhan atau mana-mana bahagian mana-mana harta tak alih atau harta alih yang menjadi subjek kontrak itu atau merupakan keseluruhan atau sebahagian daripada balasan baginya;

(*b*) mengarahkan mana-mana pihak kepada prosiding itu supaya memindahkan atau menyerahhakkan kepada mana-mana pihak lain atau untuk memberinya milikan keseluruhan atau mana-mana bahagian mana-mana harta tak alih atau harta alih yang menjadi subjek kontrak itu atau merupakan keseluruhan atau sebahagian daripada balasan baginya;

(*c*) tanpa menjejaskan apa-apa hak untuk mendapat ganti rugi, mengarahkan mana-mana pihak kepada prosiding itu supaya membayar kepada mana-mana pihak lain apa-apa jumlah wang yang difikirkan adil oleh mahkamah; atau

(*d*) membenarkan pembekal menyimpan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada apa-apa wang yang telah dibayar atau apa-apa balasan lain yang diberikan berkenaan dengan perkhidmatan di bawah kontrak itu.

(4) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) atau mana-mana peruntukannya, boleh dibuat atas dan tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang difikirkan patut oleh mahkamah, yang bukannya suatu terma atau syarat yang mempunyai kesan menghalang tuntutan ganti rugi oleh mana-mana pihak.

(5) Dalam menimbangkan sama ada untuk membuat perintah di bawah seksyen ini, dan dalam menimbangkan terma-terma dan syarat-syarat yang mahkamah bercadang untuk mengenakannya, mahkamah hendaklah mengambil kira yang berikut:

(*a*) apa-apa manfaat atau kelebihan yang didapati oleh pengguna oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan oleh pembekal dalam atau bagi maksud pembekalan perkhidmatan itu;

(*b*) nilai, pada pendapat mahkamah, apa-apa kerja atau perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pembekal dalam atau bagi maksud pembekalan perkhidmatan itu;

(*c*) apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh pengguna atau pembekal dalam atau bagi maksud pelaksanaan perkhidmatan itu;

*(d)* takat pembekal atau pengguna telah atau mungkin terdaya melaksanakan kontrak itu secara keseluruhannya atau sebahagiannya; dan

*(e)* apa-apa perkara lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(6) Tiada perintah di bawah perenggan (3)*(a)* boleh dibuat jika ia akan mempunyai kesan melucutkan daripada seseorang, yang bukannya pihak kepada kontrak itu, milikan, atau apa-apa estet atau kepentingan dalam, apa-apa harta yang diperolehnya dengan suci hati dan bagi balasan berharga.

(7) Tiada perintah boleh dibuat di bawah seksyen ini berkenaan dengan apa-apa harta jika mana-mana pihak kepada kontrak itu telah mengubah kedudukannya berhubung dengan harta itu dengan sebegitu rupa, sama ada sebelum atau selepas pembatalan kontrak itu, dengan mengambil kira semua hal keadaan yang berkaitan, sehingga pada pendapat mahkamah, tidaklah saksama kepada mana-mana pihak untuk membuat perintah yang sedemikian.

## Bahagian X

## LIABILITI KELUARAN

### Tafsiran

**66.** (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"hasil pertanian" ertinya apa-apa hasil daripada tanah, penternakan atau perikanan;

"keluaran" ertinya apa-apa barang dan, tertakluk kepada subseksyen (2), termasuklah sesuatu keluaran yang terkandung dalam sesuatu keluaran lain, sama ada dengan menjadi suatu bahagian komponen, bahan mentah atau selainnya;

"kerosakan" ertinya kematian atau kecederaan diri, atau apa-apa kerugian atau kerosakan kepada apa-apa harta, termasuk tanah, mengikut kehendak keadaan;

"orang tanggungan" mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Akta Undang-Undang Sivil 1956 [*Akta 67*];

"pengeluar" berhubung dengan sesuatu keluaran, ertinya—

*(a)* orang yang mengilangkannya;

*(b)* dalam hal sesuatu bahan yang tidak dikilangkan tetapi adalah dilombong atau disarikan, orang yang melombong atau menyarikan bahan itu;

*(c)* dalam hal sesuatu keluaran yang tidak dikilangkan, dilombong atau disarikan tetapi ciri-ciri pentingnya adalah disebabkan oleh suatu proses industri atau proses lain yang telah dijalankan, orang yang telah menjalankan proses itu.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang membekalkan apa-apa keluaran yang di dalamnya terkandung keluaran lain, sama ada dengan menjadi suatu bahagian komponen, bahan mentah atau selainnya, tidaklah dianggap sebagai membekalkan keluaran yang terkandung dalam keluaran itu hanya disebabkan dia membekalkan keluaran itu.

**Erti "kecacatan"**

**67.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), kecacatan ada pada sesuatu keluaran bagi maksud Bahagian ini jika keselamatan keluaran itu tidaklah sebagaimana yang dijangkakan oleh seseorang secara umumnya.

(2) Dalam menentukan apakah yang berhak dijangkakan oleh seseorang secara umumnya berhubung dengan sesuatu keluaran, semua hal keadaan yang berkaitan hendaklah diambil kira termasuk—

*(a)* cara bagaimana, dan maksud yang baginya, keluaran itu telah dipasarkan;

*(b)* cara pembuatan keluaran itu;

*(c)* penggunaan apa-apa cap berhubung dengan keluaran itu;

*(d)* arahan untuk atau amaran berkenaan dengan melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua dengan atau berhubungan dengan keluaran itu;

*(e)* apa yang semunasabahnya mungkin dijangka akan dilakukan dengan, atau berhubungan dengan keluaran itu; dan

*(f)* masa keluaran itu dibekalkan oleh pengeluarnya kepada orang lain.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghendaki supaya sesuatu kecacatan disimpulkan hanya berdasarkan hakikat bahawa keselamatan sesuatu keluaran yang dibekalkan kemudiannya adalah lebih baik daripada keselamatan keluaran yang berkenaan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "keselamatan", berhubung dengan keluaran, hendaklah termasuk—

*(a)* keselamatan berkenaan dengan keluaran yang terkandung di dalamnya;

*(b)* keselamatan dalam konteks risiko terhadap kerosakan kepada harta; dan

*(c)* keselamatan dalam konteks risiko terhadap kematian atau kecederaan diri.

**Liabiliti bagi kecacatan keluaran**

**68.** (1) Jika apa-apa kerosakan disebabkan keseluruhannya atau sebahagiannya oleh kecacatan pada suatu keluaran, orang yang berikut hendaklah menanggung liabiliti bagi kecacatan itu:

*(a)* pengeluar keluaran itu;

*(b)* orang yang, dengan meletakkan namanya pada keluaran itu atau menggunakan suatu cap dagangan atau cap pembeza lain berhubung dengan keluaran itu, telah mengemukakan dirinya sebagai pengeluar keluaran itu; dan

*(c)* orang yang dalam perjalanan perniagaannya telah mengimport keluaran itu ke dalam Malaysia untuk membekalkannya kepada seseorang orang lain.

(2) Jika kerosakan itu disebabkan keseluruhannya atau sebahagiannya oleh kecacatan pada sesuatu keluaran, orang yang menanggung kerosakan itu boleh dalam tempoh yang munasabah selepas kerosakan itu berlaku meminta pembekal supaya mengenal pasti mana-mana atau semua orang yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dia atau mereka masih wujud atau tidak.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), tidaklah penting sama ada pembekal membekalkan keluaran yang cacat itu kepada—

*(a)* orang yang menanggung kerosakan itu;

*(b)* pengeluar sesuatu keluaran yang mengandungi keluaran yang cacat itu; atau

*(c)* mana-mana orang lain.

(4) Jika pembekal gagal untuk menunaikan permintaan di bawah subseksyen (2) dalam masa yang munasabah dengan mengambil kira semua hal keadaan, pembekal hendaklah menanggung liabiliti bagi kerugian atau kerosakan itu.

(5) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi seseorang berkenaan dengan apa-apa kecacatan dalam hasil pertanian jika satu-satunya pembekalan hasil pertanian oleh orang itu kepada seseorang lain dibuat pada masa hasil pertanian itu belum lagi menjalani apa-apa proses industri.

(6) Jika dua orang atau lebih menanggung liabiliti di bawah Bahagian ini bagi kerosakan yang sama, liabiliti mereka hendaklah bersesama dan berasingan.

(7) Seksyen ini tidaklah menjejaskan apa-apa liabiliti yang berbangkit selain dengan cara yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini.

(8) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan bahawa tiada prosiding boleh dibawa di hadapan Tribunal atau mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa kecacatan pada apa-apa barang selepas tamat apa-apa tempoh yang dikira dari tarikh pengilangan barang itu atau kelas atau kumpulan barang sedemikian sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; dan apabila perisytiharan itu dibuat tiada prosiding boleh dibawa berkenaan dengan kecacatan itu di hadapan Tribunal atau mana-mana mahkamah.

**Takat liabiliti bagi kerugian atau kerosakan**

**69.** (1) Jika apa-apa kerosakan disebabkan secara keseluruhannya atau sebahagiannya oleh kecacatan pada sesuatu keluaran, liabiliti orang yang menanggung liabiliti bagi kerosakan itu di bawah seksyen 68 tidaklah termasuk apa-apa kerugian atau kerosakan kepada—

*(a)* keluaran yang cacat itu;

*(b)* keseluruhan atau mana-mana bahagian keluaran itu yang mengandungi keluaran yang cacat itu; atau

*(c)* mana-mana harta yang pada masa harta itu hilang atau rosak bukanlah—

(i) harta daripada jenis yang lazimnya dimaksudkan bagi pemakaian, penghunian atau penggunaan persendirian; dan

(ii) dimaksudkan oleh orang yang mengalami kerugian atau kerosakan itu semata-mata bagi pemakaian, penghunian atau penggunaannya sendiri.

(2) Bagi maksud perenggan (1)*(c)*, kerugian atau kerosakan harta hendaklah disifatkan telah berlaku pada waktu paling awal orang yang mempunyai kepentingan mengenai harta itu mempunyai pengetahuan tentang fakta matan mengenai kerugian atau kerosakan itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2)—

*(a)* fakta matan mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan kepada apa-apa harta adalah apa-apa fakta mengenai kerugian atau kerosakan yang boleh menyebabkan seseorang yang munasabah yang mempunyai kepentingan mengenai harta itu menganggap kerugian atau kerosakan itu cukup serius bagi mewajarkannya memulakan prosiding untuk mendapatkan ganti rugi terhadap seseorang defendan yang tidak mempertikaikan liabilitinya dan berupaya untuk memenuhi sesuatu penghakiman terhadapnya;

*(b)* pengetahuan seseorang termasuklah pengetahuan yang dia mungkin semunasabahnya dijangkakan akan memperolehnya—

(i) daripada fakta yang dapat dilihat atau dipastikan olehnya; atau

(ii) daripada fakta yang dapat dipastikan olehnya dengan bantuan nasihat pakar yang sesuai yang adalah munasabah untuk dia mendapatkannya:

Dengan syarat bahawa seseorang itu tidaklah boleh disifatkan mempunyai pengetahuan mengenai sesuatu fakta yang dapat dipastikan olehnya hanya dengan bantuan nasihat pakar sahaja melainkan jika dia gagal untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk mendapatkan dan, jika bersesuaian, untuk bertindak atas nasihat itu.

**Pemakaian undang-undang bertulis lain**

**70.** (1) Bagi maksud tuntutan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956, apa-apa kerosakan yang baginya seseorang itu menanggung liabiliti di bawah seksyen 68 hendaklah disifatkan telah disebabkan oleh perbuatan, keabaian atau keingkaran salah orang itu.

(2) Jika orang yang menanggung kerosakan yang disebabkan pada keseluruhannya atau sebahagiannya oleh kecacatan pada sesuatu keluaran mati selepas menanggung kerosakan itu, permintaan kepada pembekal di bawah subseksyen 68(3) boleh, bagi maksud tuntutan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 dibuat oleh wakil diri atau orang tanggungan orang yang mati itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika apa-apa kerosakan disebabkan pada sebahagiannya oleh kecacatan pada sesuatu keluaran dan sebahagian lagi oleh kesalahan orang yang menanggung kerosakan itu, Akta Undang-Undang Sivil 1956 hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah kecacatan itu adalah kesalahan tiap-tiap orang yang menanggung liabiliti di bawah Bahagian ini bagi kerosakan yang disebabkan oleh kecacatan itu.

(4) Bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis yang memberikan bidang kuasa pada mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa perkara, liabiliti bagi kerosakan di bawah Bahagian ini hendaklah dianggap sebagai liabiliti dalam tort.

(5) Bagi maksud subseksyen (3), "kesalahan" mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Akta Undang-Undang Sivil 1956.

**Larangan pengecualian daripada liabiliti**

**71.** Liabiliti seseorang di bawah Bahagian ini kepada seseorang yang telah menanggung kerosakan yang disebabkan secara keseluruhannya atau sebahagiannya oleh sesuatu kecacatan pada sesuatu keluaran, atau terhadap orang tanggungan orang itu, tidak boleh dihadkan atau dikecualikan oleh mana-mana terma kontrak, notis atau peruntukan lain.

**Pembelaan**

**72.** (1) Dalam apa-apa prosiding sivil di bawah Bahagian ini terhadap mana-mana orang berkenaan dengan sesuatu kecacatan pada sesuatu keluaran, adalah menjadi suatu pembelaan jika orang itu menunjukkan—

*(a)* bahawa kecacatan itu adalah disebabkan oleh pematuhan mana-mana kehendak yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

*(b)* bahawa dia tidak pada bila-bila masa membekalkan keluaran yang cacat itu kepada orang lain;

*(c)* bahawa kecacatan itu tidak wujud pada keluaran itu pada masa yang berkaitan;

*(d)* bahawa tahap pengetahuan saintifik dan teknikal pada masa yang berkaitan itu tidaklah sedemikian rupa sehingga pengeluar keluaran sama perihalnya dengan keluaran yang berkenaan itu dapat dengan munasabah dijangkakan akan mengesan kecacatan itu jika kecacatan itu wujud pada keluarannya semasa keluaran itu di bawah kawalannya; atau

*(e)* bahawa kecacatan itu—

(i) ialah suatu kecacatan pada sesuatu keluaran yang terkandung dalamnya keluaran yang berkenaan ("keluaran yang berikutnya"); dan

(ii) disebabkan pada keseluruhannya oleh—

(A) reka bentuk keluaran yang berikutnya; atau

(B) pematuhan arahan yang diberikan oleh pengeluar keluaran yang berikutnya oleh pengeluar keluaran yang berkenaan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "masa yang berkaitan"—

*(a)* berhubung dengan elektrik, ertinya masa elektrik itu dijanakan, iaitu masa sebelum elektrik itu dihantar atau diagihkan; dan

*(b)* berhubung dengan apa-apa keluaran lain, ertinya—

(i) jika seksyen 68 terpakai, masa pengeluar membekalkan keluaran itu kepada seorang lain; dan

(ii) jika seksyen 68 tidak terpakai, masa keluaran itu terakhir dibekalkan oleh seseorang yang baginya seksyen 68 terpakai kepada seorang lain.

## Bahagian XI

## MAJLIS PENASIHAT PENGGUNA NEGARA

**Penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara**

**73.** Menteri boleh menubuhkan Majlis Penasihat Pengguna Negara untuk menasihatinya tentang perkara-perkara yang berikut:

*(a)* berkenaan dengan isu-isu pengguna dan pelaksanaan Akta ini;

*(b)* penggalakan perlindungan pengguna dan kesedaran dalam hal ehwal pengguna; dan

*(c)* apa-apa perkara lain yang boleh dirujukkan kepadanya oleh Menteri untuk pelaksanaan wajar dan berkesan Akta ini dan bagi perlindungan pengguna.

**Keanggotaan Majlis**

**74.** (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

*(a)* Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal pengguna atau wakilnya; dan

*(b)* tidak lebih daripada enam belas orang lain yang mewakili kepentingan pengguna, pengilang, pembekal, pertubuhan bukan kerajaan yang lain dan anggota akademik.

(2) Anggota yang disebut dalam perenggan (1)*(b)*—

*(a)* hendaklah dilantik oleh Menteri bagi tempoh yang tidak melebihi dua tahun; dan

*(b)* adalah layak untuk dilantik semula selepas tamat tempoh jawatannya.

(3) Menteri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi daripada kalangan anggota Majlis.

**Penjalanan sementara fungsi-fungsi Pengerusi**

**75.** (1) Jika kerana apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsi-fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

(2) Jika kerana apa-apa sebab Pengerusi dan Timbalan Pengerusi kedua-duanya tidak dapat melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Majlis untuk melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

(3) Timbalan Pengerusi atau anggota yang dilantik di bawah subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dalam tempoh dia melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

**Pengosongan jawatan**

**76.** Jawatan seseorang anggota Majlis yang disebut dalam perenggan 74(1)*(b)* hendaklah menjadi kosong—

*(a)* apabila anggota itu mati;

*(b)* apabila anggota itu meletakkan jawatan dengan surat yang ditujukan kepada Menteri; atau

*(c)* apabila tamat tempoh jawatannya.

**Pembatalan pelantikan**

**77.** Menteri boleh membatalkan pelantikan seseorang anggota Majlis yang disebut dalam perenggan 74(1)*(b)*—

*(a)* jika kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Majlis atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga memburukkan nama Majlis;

*(b)* jika dia menjadi tidak berupaya untuk menjalankan kewajipannya dengan sepatutnya sebagai anggota Majlis;

*(c)* jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;

(iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;

*(d)* jika dia dihukum bankrap;

*(e)* jika dia didapati atau disahkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan urusannya; atau

*(f)* jika dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pengerusi Majlis.

**Peletakan jawatan**

**78.** Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 74(1)*(b)* boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan surat yang ditujukan kepada Menteri.

**Pengisian kekosongan**

**79.** Jika anggota yang dilantik di bawah perenggan 74(1)*(b)* terhenti menjadi anggota Majlis, Menteri boleh melantik seorang lain untuk mengisi kekosongan itu selama baki tempoh yang baginya anggota yang mengosongkan jawatan itu telah dilantik.

**Setiausaha kepada Majlis dan pegawai lain**

**80.** Maka hendaklah dilantik seorang Setiausaha kepada Majlis dan pegawai-pegawai lain yang perlu untuk membantu Majlis.

**Elaun**

**81.** Anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 74(1)*(b)* hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

**Majlis boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat**

**82.** (1) Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat atau penimbangtelitian Majlis bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidaklah berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau penimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar apa-apa fi sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

**Kesahan tindakan dan prosiding**

**83.** Tiada tindakan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

*(a)* sesuatu kekosongan dalam keanggotaan, atau kecacatan dalam penubuhan, Majlis; atau

*(b)* sesuatu peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit sesuatu kes.

**Peraturan-peraturan yang berhubungan dengan Majlis**

**84.** Menteri boleh membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat berkenaan dengan Bahagian ini.

## Bahagian XIa

### JAWATANKUASA PENGIKLANAN

**Jawatankuasa Pengiklanan**

**84a.** Menteri boleh menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengiklanan yang hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

*(a)* untuk menasihati Menteri dalam mana-mana aspek berhubung dengan pengiklanan, termasuk iklan-iklan yang bertentangan dengan Bahagian II Akta ini;

*(b)* untuk meneliti aduan berhubung dengan iklan;

*(c)* untuk mengeluarkan atau menerbitkan maklumat berkaitan sifat dan ciri-ciri barang-barang atau perkhidmatan yang boleh menjejaskan hak atau menyebabkan kerosakan kepada pengguna; dan

*(d)* untuk melaksanakan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut olehnya dalam melaksanakan fungsi-fungsinya secara yang lebih berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.

**Keanggotaan Jawatankuasa Pengiklanan**

**84b.** (1) Jawatankuasa Pengiklanan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

*(a)* Ketua Setiausaha bagi Kementerian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pengguna atau wakilnya; dan

*(b)* tidak kurang daripada tujuh orang dan tidak lebih daripada tiga belas orang lain, yang mewakili kepentingan pengguna, dan mana-mana orang lain, sebagaimana yang difikirkan layak oleh Menteri.

(2) Anggota yang disebut dalam perenggan (1)*(b)*—

*(a)* hendaklah dilantik oleh Menteri bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun; dan

*(b)* adalah layak untuk dilantik semula selepas tamat tempoh jawatannya.

(3) Menteri hendaklah melantik daripada kalangan anggota Jawatankuasa Pengiklanan seorang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

**Peruntukan Jadual terpakai bagi Jawatankuasa Pengiklanan**

**84c.** (1) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi anggota Jawatankuasa Pengiklanan.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda peruntukan Jadual.

**Peraturan yang berhubungan dengan Jawatankuasa Pengiklanan**

**84d.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang difikirkan perlu atau suai manfaat olehnya bagi maksud memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

BAHAGIAN XII

TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

**Penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna**

**85.** Suatu tribunal yang dikenali sebagai "Tribunal Tuntutan Pengguna" hendaklah ditubuhkan.

**Keanggotaan Tribunal**

**86.** (1) Tribunal hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

*(a)* seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; dan

*(b)* tidak kurang daripada lima orang anggota—

(i) yang merupakan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau orang yang berkelayakan mengikut pengertian Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Ordinan Peguam Bela Sabah [*Bab 2*] atau Ordinan Peguam Bela Sarawak [*Bab 110*], mengikut kehendak keadaan;

(ii) orang yang tidak termasuk dalam subperenggan (i) tetapi memegang atau pernah memegang jawatan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat kepada Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*]; atau

(iii) apa-apa gabungan anggota dari subperenggan (i) atau (ii).

(2) Anggota yang disebut dalam perenggan (1)*(b)*—

*(a)* hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun; dan

*(b)* adalah layak untuk dilantik semula apabila tamat tempoh jawatannya tetapi tidak boleh dilantik lebih daripada tiga tempoh berturut-turut.

**Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

**87.** Jika kerana apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsi-fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

**Pengosongan jawatan**

**88.** Jawatan seseorang anggota Tribunal hendaklah menjadi kosong—

*(a)* apabila anggota itu mati;

*(b)* apabila anggota itu meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis tiga bulan kepada Menteri; atau

*(c)* apabila tamat tempoh jawatannya.

**Pembatalan pelantikan**

**89.** Menteri boleh membatalkan pelantikan seseorang anggota Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 86(1)*(b)*—

*(a)* jika kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Tribunal atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga memburukkan nama Tribunal;

*(b)* jika dia menjadi tidak berupaya untuk menjalankan kewajipannya dengan sepatutnya sebagai anggota Tribunal;

*(c)* jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;

(iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;

*(d)* jika dia dihukum bankrap;

*(e)* jika dia didapati atau disahkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan urusannya; atau

*(f)* jika dia tidak menghadiri sidang Tribunal tiga kali berturut-turut tanpa mendapat kebenaran daripada Pengerusi.

**Peletakan jawatan**

**90.** Seseorang anggota Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 86(1)*(b)* boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis tiga bulan kepada Menteri.

**Pengisian kekosongan**

**91.** Jika seseorang anggota terhenti menjadi anggota Tribunal, Menteri boleh melantik seorang lain untuk mengisi kekosongan itu selama baki tempoh yang baginya anggota yang mengosongkan jawatan itu telah dilantik.

**Saraan**

**92.** (1) Anggota Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 86(1)*(a)* hendaklah dibayar apa-apa elaun tetap dan elaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Anggota Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 86(1)*(b)* hendaklah dibayar—

*(a)* elaun harian sidang semasa Tribunal bersidang; dan

*(b)* elaun penginapan, perjalanan dan sara hidup,

sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Saraan yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) dan (2) hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

**Setiausaha Tribunal dan pegawai lain**

**93.** (1) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik kepada Tribunal dan apa-apa bilangan pegawai yang perlu bagi menjalankan fungsi-fungsi Tribunal.

(2) Pengerusi hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai-pegawai Tribunal.

(3) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha kepada Tribunal hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai Tribunal.

**Pekhidmat awam**

**94.** Semua anggota dan pegawai Tribunal, semasa menunaikan kewajipan mereka sebagai anggota dan pegawai sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

**Tiada tindakan terhadap Tribunal**

**95.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Tribunal atau terhadap mana-mana anggota atau pegawai Tribunal berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

**Sidang Tribunal**

**96.** (1) Bidang kuasa Tribunal hendaklah dijalankan oleh mana-mana orang yang berikut bersidang sendirian:

*(a)* Pengerusi Tribunal;

*(b)* Timbalan Pengerusi Tribunal; atau

*(c)* mana-mana anggota Tribunal yang dipilih oleh Pengerusi.

(2) Tribunal boleh bersidang dalam dua sidang atau lebih pada hari dan masa dan di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(3) Jika orang yang mempengerusikan apa-apa prosiding berkenaan dengan sesuatu tuntutan mati atau menjadi tidak upaya, atau atas apa-apa sebab lain tidak dapat menyelesaikan pendengaran itu atau membereskan prosiding itu, prosiding itu hendaklah didengar semula oleh seorang anggota lain Tribunal, melainkan jika pihak-pihak bersetuju prosiding itu diteruskan oleh seorang anggota lain Tribunal.

(4) Jika tempoh pelantikan mana-mana anggota Tribunal di bawah seksyen ini tamat semasa apa-apa prosiding belum selesai berkenaan dengan sesuatu tuntutan, tempoh pelantikannya hendaklah disifatkan telah dilanjutkan sehingga tuntutan itu dibereskan dengan muktamad.

**Pemulaan prosiding**

**97.** Seseorang pengguna boleh mengemukakan kepada Tribunal suatu tuntutan dalam borang yang ditetapkan bersama dengan fi yang ditetapkan menuntut apa-apa kerugian yang ditanggung atas apa-apa perkara tentang kepentingannya sebagai pengguna di bawah Akta ini.

**Bidang kuasa Tribunal**

**98.** (1) Tertakluk kepada seksyen 99 dan 100, Tribunal hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan pengguna dalam lingkungan Akta ini termasuklah tuntutan mengenai apa-apa barang-barang dan perkhidmatan yang baginya tidak ada mekanisme tebus rugi yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang lain dan jika jumlah amaun yang berkenaan dengannya award Tribunal diminta adalah tidak melebihi *dua puluh lima ribu ringgit.

---

**CATATAN*—Dahulunya bidang kuasa Tribunal "sepuluh ribu ringgit"–*lihat* Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003 [*Akta A1199*].

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), seseorang penentang kepada sesuatu tuntutan boleh membangkitkan suatu hutang atau tuntutan jumlah tertentu sebagai—

*(a)* pembelaan; atau

*(b)* tuntutan balas.

(3) Jika penentang membangkitkan suatu hutang atau tuntutan jumlah tertentu mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (2) Tribunal hendaklah—

*(a)* memberi kuat kuasa kepada pembelaan itu; atau

*(b)* mendengar dan memutuskan tuntutan balas itu walaupun tuntutan asal telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

(4) Apa-apa tuntutan yang dikemukakan kepada Tribunal boleh termasuk kerugian atau kerosakan yang berbangkit.

**Pembatasan bidang kuasa**

**99.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata di bawah Akta ini, Tribunal tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa tuntutan—

*(a)* bagi mendapatkan kembali tanah, atau apa-apa estet atau kepentingan mengenai tanah;

*(b)* yang mempersoalkan hakmilik kepada mana-mana tanah, atau apa-apa estet atau kepentingan mengenai tanah, atau apa-apa francais;

*(c)* yang mengandungi pertikaian mengenai—

(i) hak mana-mana orang di bawah suatu wasiat atau peruntukan, atau disebabkan kematian tidak berwasiat (termasuk kematian tidak berwasiat separa);

(ii) nama baik;

(iii) apa-apa hak dalam tindakan; atau

(iv) apa-apa rahsia perdagangan atau harta intelek lain;

*(d)* apabila mana-mana tribunal telah ditubuhkan melalui mana-mana undang-undang bertulis lain untuk mendengar dan memutuskan tuntutan-tuntutan tentang perkara yang menjadi hal perkara tuntutan itu.

(2) Bidang kuasa Tribunal hendaklah terhad kepada suatu tuntutan yang berasaskan pada suatu kausa tindakan yang terakru dalam masa tiga tahun dari tuntutan itu.

(3) Tiada apa-apa dalam seksyen ini disifatkan membenarkan Tribunal untuk mendengar suatu tuntutan yang berbangkit daripada kecederaan diri atau kematian.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), "tanah" tidaklah termasuk lekapan.

**Peluasan bidang kuasa melalui perjanjian**

**100.** (1) Walaupun amaun atau nilai hal perkara yang dituntut atau yang dipertikaikan melebihi *dua puluh lima ribu ringgit, Tribunal hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan jika pihak-pihaknya telah membuat suatu perjanjian secara bertulis bahawa Tribunal hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan itu.

(2) Suatu perjanjian boleh dibuat di bawah subseksyen (1)—

*(a)* sebelum tuntutan itu dikemukakan di bawah seksyen 97; atau

*(b)* jika suatu tuntutan telah dikemukakan di bawah seksyen 97, ada bila-bila masa sebelum Tribunal merekodkan penyelesaian yang dipersetujui berkenaan dengan tuntutan itu di bawah subseksyen 107(3) atau telah memutuskan tuntutan itu di bawah seksyen 112, mengikut kehendak keadaan.

---

**CATATAN*—Dahulunya "sepuluh ribu ringgit"—*lihat* Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003 [*Akta A1199*].

**Peninggalan untuk membawa tuntutan ke dalam bidang kuasa**

**101.** (1) Pihak yang menuntut boleh meninggalkan apa-apa amaun tuntutan yang melebihi *dua puluh lima ribu ringgit supaya dapat membawa tuntutan itu ke dalam bidang kuasa Tribunal.

(2) Jika sebahagian daripada sesuatu tuntutan telah ditinggalkan di bawah subseksyen (1), rekod Tribunal bagi penyelesaian yang dipersetujui di bawah subseksyen 107(3) atau award Tribunal di bawah seksyen 112, mengikut kehendak keadaan, yang berhubungan dengan tuntutan itu hendaklah berkuat kuasa bagi melepaskan orang—

*(a)* yang menjadi pihak kepada penyelesaian yang dipersetujui itu; atau

*(b)* yang terhadapnya tuntutan dan award yang berikutan dengannya dibuat,

daripada liabiliti berkenaan dengan amaun yang ditinggalkan sedemikian.

**Kausa tindakan tidak boleh dibahagi**

**102.** Tuntutan tidak boleh dibahagi, atau lebih daripada satu tuntutan dibawa, berkenaan dengan perkara yang sama terhadap pihak yang sama bagi maksud membawanya ke dalam bidang kuasa Tribunal.

**103.** (*Dipotong oleh Akta A1381*).

**Penyingkiran bidang kuasa mahkamah**

**104.** (1) Jika sesuatu tuntutan dikemukakan kepada Tribunal dan tuntutan itu adalah dalam bidang kuasa Tribunal, isu yang dipertikaikan dalam tuntutan itu, sama ada sebagaimana yang

---

**CATATAN*—Dahulunya "sepuluh ribu ringgit"–*lihat* Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003 [*Akta A1199*].

ditunjukkan dalam tuntutan yang mula-mula atau muncul semasa pendengaran, tidak boleh menjadi perkara dalam prosiding antara pihak yang sama dalam mana-mana mahkamah melainkan jika—

*(a)* prosiding di hadapan mahkamah itu telah dimulakan sebelum tuntutan itu dikemukakan kepada Tribunal; atau

*(b)* tuntutan di hadapan Tribunal telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

(2) Jika perenggan (1)*(a)* terpakai, isu yang dipertikaikan dalam tuntutan yang dengannya prosiding itu berkaitan, sama ada sebagaimana yang ditunjukkan dalam tuntutan yang mula-mula atau muncul semasa pendengaran, tidak boleh menjadi perkara dalam prosiding antara pihak yang sama di hadapan Tribunal melainkan jika tuntutan di hadapan mahkamah telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

**Pelupusan barang mudah musnah**

**105.** Jika hal perkara tuntutan itu ialah barang mudah musnah dan penyimpanan barang itu sementara menunggu pemberesan muktamad tuntutan itu melibatkan perbelanjaan dan kesulitan yang tidak munasabah, Tribunal boleh, atas permohonan suatu pihak kepada prosiding itu, pada bila-bila masa memerintahkan supaya—

*(a)* barang itu dijual; dan

*(b)* hasil jualan itu boleh dipegang untuk mematuhi award yang dibuat oleh Tribunal di bawah seksyen 112.

**Notis tuntutan dan pendengaran**

**106.** Apabila sesuatu tuntutan dikemukakan di bawah seksyen 97, Setiausaha kepada Tribunal hendaklah memberi notis tentang butir-butir mengenai hari, masa dan tempat pendengaran dalam borang yang ditetapkan kepada pihak yang menuntut dan penentang.

**Rundingan penyelesaian**

**107.** (1) Tribunal hendaklah, berkenaan dengan tiap-tiap tuntutan dalam bidang kuasanya, menilai sama ada, dalam semua hal keadaan, adalah wajar bagi Tribunal untuk membantu pihak-pihak merundingkan suatu penyelesaian yang dipersetujui berhubung dengan tuntutan itu.

(2) Tanpa mengehadkan keluasan subseksyen (1), dalam membuat penilaian Tribunal hendaklah mengambil kira apa-apa faktor yang, pada pendapat Tribunal, mungkin mencacatkan kemampuan salah satu atau kedua-dua pihak untuk merundingkan penyelesaian yang dipersetujui.

(3) Jika pihak-pihak mencapai penyelesaian yang dipersetujui, Tribunal hendaklah bersetuju dan merekodkan penyelesaian itu dan penyelesaian itu hendaklah berkuat kuasa seolah-olah penyelesaian itu adalah award Tribunal.

(4) Jika—

*(a)* Tribunal mendapati bahawa tidaklah wajar untuknya membantu pihak-pihak merundingkan penyelesaian yang dipersetujui berhubung dengan tuntutan itu; atau

*(b)* pihak-pihak tidak dapat mencapai penyelesaian yang dipersetujui berhubung dengan tuntutan itu,

Tribunal hendaklah memutuskan pertikaian itu.

**Hak untuk hadir pada pendengaran**

**108.** (1) Pada pendengaran sesuatu tuntutan tiap-tiap pihak adalah berhak untuk hadir dan didengar.

(2) Tiada pihak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara pada sesuatu pendengaran.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (2) tetapi walau apa pun seksyen 37 Akta Profesion Undang-Undang 1976—

*(a)* sesuatu perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan boleh diwakili oleh pekerjanya yang digaji sepenuh masa;

(*b*) seseorang orang belum dewasa atau mana-mana orang lain yang tidak berupaya boleh diwakili oleh sahabat wakil atau penjaga *ad litem*nya.

(4) Jika sesuatu pihak diwakili sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (3), Tribunal boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu bagi memastikan bahawa pihak yang satu lagi kepada prosiding itu tidaklah pada matannya diletakkan dalam keadaan yang kurang baik.

**Prosiding hendaklah terbuka**

**109.** Semua prosiding di hadapan Tribunal hendaklah terbuka kepada orang ramai.

**Tatacara hendaklah dituliskan**

**109A.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain Akta ini, prosiding Tribunal hendaklah dijalankan mengikut tatacara yang boleh ditentukan oleh Tribunal dan disiarkan di bawah subseksyen (2).

(2) Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya tatacara yang ditentukan di bawah subseksyen (1) ditulis dan disiarkan dalam *Warta* atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Pengerusi.

**Keterangan**

**110.** (1) Tribunal boleh—

(*a*) mendapatkan dan menerima keterangan bersumpah atau dengan ikrar, sama ada bertulis atau lisan, dan memeriksa semua orang sebagai saksi, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal untuk didapatkan, diterima atau diperiksa;

(*b*) menghendaki pengemukaan buku, kertas, dokumen, rekod atau benda di hadapannya;

(*c*) mengendalikan sumpah, ikrar atau akuan berkanun, mengikut kehendak keadaan;

*(d)* mendapatkan dan menerima apa-apa keterangan lain dan membuat apa-apa siasatan lain sebagaimana yang difikirkannya patut;

*(e)* memanggil pihak-pihak kepada prosiding itu atau mana-mana orang lain supaya hadir di hadapannya untuk memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda lain dalam milikannya atau selainnya untuk membantu Tribunal dalam penimbangtelitiannya;

*(f)* menerima keterangan pakar; dan

*(g)* secara umumnya mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi maksud mempercepat penentuan tuntutan itu.

(2) Sesuatu saman panggilan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah diserahkan dan dikuatkuasakan seolah-olah ia suatu saman yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah.

**Tribunal boleh bertindak semasa pihak tidak hadir**

**111.** Tribunal boleh mendengar dan memutuskan tuntutan yang di hadapannya walaupun mana-mana pihak kepada prosiding itu tidak hadir jika dibuktikan sehingga Tribunal berpuas hati bahawa notis pendengaran telah diserahkan kepada pihak yang tidak hadir itu dengan sewajarnya.

**Award Tribunal**

**112.** (1) Tribunal hendaklah membuat awardnya tanpa kelengahan dan, jika dapat dilaksanakan, dalam masa enam puluh hari dari hari pertama pendengaran bermula di hadapan Tribunal.

(2) Sesuatu award Tribunal di bawah subseksyen (1) boleh menghendaki satu daripada yang berikut atau lebih:

*(a)* supaya suatu pihak kepada prosiding itu membayar wang kepada mana-mana pihak yang lain;

*(b)* supaya barang dibekalkan atau dibekalkan semula mengikut Akta ini atau kontrak yang pengguna menjadi suatu pihak kepadanya;

*(c)* supaya barang yang dibekalkan atau yang dibekalkan semula kepada pengguna diganti atau dibaiki;

*(d)* supaya harga atau apa-apa balasan lain yang telah dibayar atau dibekalkan oleh pengguna atau mana-mana orang lain dibayar balik kepada pengguna atau orang itu;

*(e)* supaya sesuatu pihak mematuhi gerenti;

*(f)* supaya wang diawardkan untuk memberikan pampasan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh orang yang menuntut;

*(g)* supaya kontrak itu diubah atau diketepikan pada keseluruhan atau sebahagiannya;

*(h)* supaya kos untuk atau terhadap mana-mana pihak dibayar;

*(i)* supaya bunga dibayar di atas apa-apa jumlah wang atau award kewangan pada kadar tidak melebihi lapan peratus setahun, melainkan jika telah dipersetujui selainnya antara pihak itu;

*(j)* bahawa tuntutan itu ditolak.

(3) Tiada apa-apa jua dalam perenggan (1)*(f)* boleh disifatkan memberi kuasa kepada Tribunal untuk mengawardkan apa-apa ganti rugi bagi apa-apa kerugian atau kerosakan bukan wang.

**Rujukan kepada Hakim Mahkamah Tinggi atas persoalan undang-undang**

**113.** (1) Sebelum Tribunal membuat sesuatu award di bawah seksyen 112, Tribunal boleh, mengikut budi bicaranya, merujukkan kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi sesuatu persoalan undang-undang—

*(a)* yang berbangkit semasa prosiding;

*(b)* yang, pada pendapat Tribunal, adalah cukup penting untuk mewajarkan rujukan itu; dan

*(c)* yang penentuannya oleh Tribunal membangkitkan, pada pendapat Tribunal, keraguan yang mencukupi untuk mewajarkan rujukan itu.

(2) Jika Tribunal merujukkan apa-apa persoalan undang-undang di bawah seksyen (1) bagi keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Tribunal hendaklah membuat awardnya dengan mematuhi keputusan itu.

(3) Peguam Persekutuan yang diberi kuasa oleh Peguam Negara bagi maksud itu boleh hadir bagi pihak Tribunal dalam apa-apa prosiding di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi di bawah seksyen ini.

**Sebab keputusan**

**114.** Tribunal hendaklah dalam semua prosiding memberikan sebabnya bagi award yang diberikannya dalam prosiding itu.

**Perintah dan penyelesaian hendaklah direkodkan secara bertulis**

**115.** Tribunal hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat suatu rekod bertulis bagi terma—

*(a)* tiap-tiap penyelesaian yang dipersetujui yang dicapai oleh pihak-pihak di bawah subseksyen 107(3); dan

*(b)* tiap-tiap award yang dibuatnya di bawah seksyen 112.

**Keputusan Tribunal adalah muktamad**

**116.** (1) Tiap-tiap penyelesaian yang dipersetujui yang direkodkan oleh Tribunal di bawah subseksyen 107(3) dan tiap-tiap award yang dibuat oleh Tribunal di bawah seksyen 112—

*(a)* hendaklah muktamad dan mengikat semua pihak kepada prosiding itu; dan

*(b)* hendaklah disifatkan sebagai perintah Mahkamah Majistret dan dikuatkuasakan sewajarnya oleh mana-mana pihak kepada prosiding itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1)*(b)*, Setiausaha kepada Tribunal hendaklah menghantar satu salinan award yang dibuat oleh Tribunal kepada Mahkamah Majistret yang mempunyai bidang kuasa di tempat yang dengannya award itu berkaitan atau di tempat award itu dibuat dan Mahkamah itu hendaklah menyebabkan salinan itu direkodkan.

**Penalti jenayah kerana gagal untuk patuh**

**117.** (1) Mana-mana orang yang gagal selepas empat belas hari untuk mematuhi suatu award yang dibuat oleh Tribunal melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam hal kesalahan yang berterusan, pesalah boleh, sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (1), didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Tatacara jika tiada peruntukan dibuat**

**118.** Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana peraturan, Tribunal hendaklah menerima pakai tatacara yang difikirkannya patut dan wajar.

**Ketiadaan bentuk**

**119.** Tiada prosiding Tribunal atau award atau dokumen lain Tribunal boleh diketepikan atau dibatalkan kerana ketiadaan bentuk.

**Pelupusan dokumen, dsb.**

**120.** (1) Tribunal boleh, pada penutup prosiding di hadapannya, memerintahkan supaya apa-apa dokumen, rekod, bahan atau harta lain yang dikemukakan semasa prosiding itu dihantarserahkan kepada tuan punyanya yang sah atau dilupuskan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(2) Jika selepas tempoh enam bulan tiada seorang pun mengambil milik dokumen, rekod, bahan atau harta lain yang disebut dalam subseksyen (1), pemunyaan dokumen, rekod, bahan atau harta lain itu hendaklah disifatkan telah berpindah kepada dan menjadi terletak hak pada Kerajaan.

**Tindakan atau peninggalan yang dibuat dengan suci hati**

**121.** Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

*(a)* Tribunal;

*(b)* anggota Tribunal;

*(c)* seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak Tribunal,

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam melaksanakan fungsi-fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini.

**Peraturan-peraturan berkenaan dengan Tribunal**

**122.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan Tribunal sebagaimana yang perlu atau suai manfaat.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi—

*(a)* menetapkan tanggungjawab dan kawalan anggota Tribunal;

*(b)* menetapkan tatacara Tribunal;

*(c)* menetapkan borang;

*(d)* menetapkan dan mengenakan fi dan memperuntukkan cara bagi pemungutan dan pembayaran fi itu;

*(e)* menetapkan apa-apa perkara lain yang dikehendaki supaya ditetapkan di bawah Bahagian ini.

## BAHAGIAN XIII

## PENGUATKUASAAN

**Kuasa penyiasatan**

**123.** Seseorang Penolong Pengawal hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

**Kad kuasa**

**124.** Seseorang Penolong Pengawal semasa bertindak di bawah Akta ini hendaklah apabila diminta menyatakan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu atau yang daripadanya dia meminta apa-apa maklumat apa-apa kad kuasa sebagaimana yang diarahkan oleh Pengawal supaya dibawa oleh pegawai itu.

**Pemeriksaan dengan waran**

**125.** (1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bersumpah bertulis dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam mana-mana premis sedang atau telah berlaku apa-apa pelanggaran Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa kepada mana-mana Penolong Pengawal yang dinamakan di dalamnya masuk ke dalam premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan, dan di sana—

*(a)* menggeledah dan menyita apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang dengan munasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelanggaran Akta ini;

*(b)* mengambil sampel apa-apa barang atau benda yang dijumpai dalam premis itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya, sama ada suatu kesalahan telah dilakukan; dan

*(c)* membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, dokumen, rekod atau benda lain yang dijumpai dalam premis itu.

(2) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang disita di bawah subseksyen (1), Penolong Pengawal itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu dalam premis atau dalam bekas yang di dalamnya barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu dijumpai.

(3) Adalah menjadi suatu kesalahan jika mana-mana orang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (2) atau memindahkan apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian.

(4) Seseorang Penolong Pengawal yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya orang dan kelengkapan lain sebagaimana yang didapatinya perlu.

(5) Seseorang Penolong Pengawal boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu untuk berbuat demikian—

*(a)* memecah buka apa-apa pintu luar atau dalam premis dan masuk ke dalam premis itu;

*(b)* masuk secara paksa ke dalam premis itu dan tiap-tiap bahagian premis itu;

*(c)* memindahkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pemindahan sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melakukannya; dan

*(d)* menahan tiap-tiap orang yang dijumpai dalam premis itu sehingga tempat itu telah digeledah.

**Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**126.** Jika seseorang Penolong Pengawal dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 125 mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan

dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelanggaran itu mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai itu boleh masuk ke dalam premis itu dan menjalankan di dalam, ke atas dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 125 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

**Senarai barang disita**

**127.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), jika apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain disita di bawah Bahagian ini, pegawai yang menyita itu hendaklah menyediakan senarai benda yang disita dan dengan segera menghantarserahkan sesalinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang digeledah di bawah seksyen 125 atau 126, atau kepada ejen atau pekhidmatnya, di premis itu.

(2) Jika barang disita daripada suatu mesin layan diri pegawai yang menyita hendaklah dengan segera menghantarserahkan sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada orang yang nama dan alamatnya dinyatakan pada mesin itu sebagai tuan punya mesin itu atau, jika tiada nama atau alamat dinyatakan, penghuni premis itu tempat mesin itu dipasangkan atau dilekapkan.

(3) Jika premis itu tidak berpenghuni, pegawai yang menyita itu hendaklah bila mana mungkin melekatkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

**Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**128.** (1) Seseorang Penolong Pegawal yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh melalui perintah bertulis menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada pendapat Penolong Pengawal mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang itu enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki, Penolong Pengawal itu boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu saman bagi memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

**Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**129.** (1) Seseorang Penolong Pengawal yang menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang ditujukan kepadanya oleh Penolong Pengawal itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat kesemuanya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan.

(4) Seseorang Penolong Pengawal yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini, sama ada atau tidak suatu amaran telah diberikan kepadanya di bawah subseksyen 130(2) hendaklah, bilamana mungkin diubah ke dalam bentuk tulisan dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

*(a)* selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya; dan

*(b)* selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

**Pernyataan boleh diterima sebagai keterangan**

**130.** (1) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan salah atau tidak atau secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak dan sama ada atau tidak kesemuanya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh orang itu kepada atau dengan didengar oleh seorang Penolong Pengawal dan sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh seorang Penolong Pengawal lain atau oleh orang lain, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Pernyataan yang disebut dalam subseksyen (1)—

*(a)* tidak boleh diterima atau digunakan di bawah subseksyen itu—

(i) jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan itu yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi pada pendapat mahkamah itu untuk memberi orang yang dipertuduh itu alasan yang pada pendapatnya adalah munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya itu; atau

(ii) dalam hal sesuatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas dia ditangkap, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa suatu amaran telah diberikan kepadanya dalam perkataan yang berikut atau perkataan yang serupa maksudnya:

"Adalah menjadi kewajipan saya untuk memberi amaran kepada kamu bahawa kamu tidaklah diwajibkan menyatakan sesuatu atau menjawab

apa-apa soalan, tetapi apa-apa jua yang kamu nyatakan, sama ada pada menjawab sesuatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan.”; dan

*(b)* jika dibuat oleh mana-mana orang sebelum ada masa untuk dia diberi amaran, tidak boleh dijadikan tidak boleh diterima sebagai keterangan hanya atas sebab tidak ada amaran diberikan jika amaran itu telah diberikan dengan secepat mungkin.

(3) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan yang baginya subseksyen (1) terpakai tidaklah diwajibkan menjawab apa-apa soalan yang berhubungan dengan kes itu selepas amaran di bawah subseksyen (2) telah diberikan kepadanya.

**Pelucuthakan barang, dsb., yang disita**

**131.** (1) Apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan atau bagi pelepasan apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengan barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu telah dijalankan dan suatu perintah bagi pelucuthakan barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang telah disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucuthakkan apabila

tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis di alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu disita yang menunjukkan bahawa tidak ada pendakwaan dibuat berkenaan dengan barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu, melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5) dan (6).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dialah pemunya barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu tidak boleh dilucuthakkan boleh memberi sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis notis bertulis kepada Penolong Pengawal yang dalam jagaannya barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, Penolong Pengawal hendaklah merujukkan perkara itu kepada seorang Majistret bagi mendapat keputusan.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dialah pemunya barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu dan orang yang daripadanya barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu disita, hadir di hadapan Majistret itu, dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, tetapi penyampaian saman dengan sewajarnya telah dibuktikan, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan apabila terbukti bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, hendaklah memerintahkan supaya barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(7) Apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang dilucuthakkan atau yang disifatkan dilucuthakkan hendaklah dihantarserahkan kepada Penolong Pengawal dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Majistret.

(8) Jika apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang disita pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Akta ini adalah daripada jenis yang mudah musnah atau mengikut tabiinya lekas rosak atau jika penjagaan barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu melibatkan belanja dan kesulitan yang tidak munasabah, atau dipercayai menyebabkan gangguan dan merbahaya kepada umum, Pengawal boleh mengarahkan supaya barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan itu dipegang sementara menanti keputusan apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini.

**Kos memegang barang, dsb., yang disita**

**132.** Jika apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegang benda itu dalam jagaan, hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan hendaklah didapatkan dengan sewajarnya.

**Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

**133.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

**Perlindungan pemberi maklumat**

**134.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan mendedahkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan dia diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen, rekod atau kertas yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan dia diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua perenggan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadam hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan matan yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui siapa pemberi maklumat itu, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan, dan menghendaki pendedahan sepenuhnya, tentang pemberi maklumat itu.

## Hadiah bagi maklumat

**135.** Dalam hal sabitan yang melibatkan denda, mahkamah yang mengenakan denda itu boleh, atas permohonan pegawai pendakwa, mengarahkan pembayaran mana-mana bahagian denda itu yang tidak melebihi setengah daripada denda itu dalam apa-apa kadar sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah itu kepada orang yang memberikan maklumat yang membawa kepada sabitan itu.

## Kehilangan atau pemusnahan barang, dsb., yang hendak disita

**136.** Mana-mana orang yang menyebabkan kehilangan atau pemusnahan apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang hendak disita di bawah Akta ini dengan niat untuk menghalang penyitaan itu melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kesalahan berkenaan dengan maklumat**

**137.** (1) Mana-mana orang yang—

*(a)* mengemukakan maklumat palsu dalam apa-apa permohonan, laporan atau dokumen lain di bawah Akta ini;

*(b)* memberikan atau menyebabkan supaya diberikan apa-apa butiran, maklumat atau pernyataan palsu berkenaan dengan apa-apa perkara kepada mana-mana Penolong Pengawal yang dikehendaki oleh pegawai itu supaya diberikan di bawah Akta ini;

*(c)* enggan menjawab atau memberikan jawapan palsu kepada apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh mana-mana Penolong Pengawal bagi maksud mendapatkan apa-apa butiran, maklumat atau pernyataan yang dikehendaki supaya diberikan di bawah Akta ini; atau

*(d)* gagal atau enggan mengemukakan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana Penolong Pengawal,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh ditakrifkan sebagai menghendaki seseorang untuk menjawab apa-apa soalan atau memberikan apa-apa maklumat jika jawapan atau maklumat itu berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

**Halangan terhadap Penolong Pengawal**

**138.** Mana-mana orang yang menghalang, merintangi, menyerang atau mengganggu mana-mana Penolong Pengawal dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan.

**Penggunaan maklumat sulit**

**139.** (1) Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa maklumat sulit yang didapati oleh sebab peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menghalang pendedahan maklumat jika pendedahan itu dibuat—

*(a)* bagi atau berkaitan dengan pentadbiran wajar Akta ini;

*(b)* bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang;

*(c)* bagi maksud apa-apa penyiasatan yang dijalankan di bawah Akta ini;

*(d)* kepada mana-mana perunding kepada Kerajaan atau kepada mana-mana pegawai yang diluluskan secara bertulis oleh Menteri sebagai orang yang patut menerima maklumat itu; atau

*(e)* bagi atau berkaitan dengan penyediaan perangkaan oleh Kerajaan berkenaan dengan perjalanan Akta ini.

## Bahagian XIV

### AM DAN PELBAGAI

**Resit**

**140.** (1) Seseorang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barang atau perkhidmatan hendaklah memberikan resit kepada pengguna bagi apa-apa pembelian barang atau perkhidmatan yang melebihi nilai yang ditetapkan.

(2) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam subseksyen (1), pengguna hendaklah dibekal suatu resit bagi apa-apa pembelian barang atau perkhidmatan jika diminta oleh pengguna.

(3) Sesuatu resit yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

*(a)* nama perdagangan dan alamat pembekal;

*(b)* tarikh pembelian;

*(c)* amaun wang yang telah dibayar bagi setiap barang yang dibeli;

*(d)* jumlah amaun wang yang telah dibayar termasuk suatu penyata berasingan bagi apa-apa amaun yang telah dibayar sebagai cukai;

*(e)* jika terpakai, buatan dan nombor model barang itu; dan

*(f)* apa-apa butir lain yang boleh ditetapkan dalam peraturan-peraturan.

(4) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana perniagaan atau kelas perniagaan daripada seksyen ini.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa untuk memerintahkan pematuhan**

**141.** (1) Jika Pengawal mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang sedang melanggar, telah melanggar atau hampir melanggar Akta ini, Pengawal boleh membuat perintah menghendaki orang itu—

*(a)* menghentikan pelanggaran;

*(b)* menahan diri supaya tidak melakukan pelanggaran atau pelanggaran yang difikir fikirkan hendak dilakukan itu; atau

*(c)* mengelakkan diri daripada apa-apa pelanggaran selanjutnya,

Akta ini.

(2) Sesalinan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah diserahkan kepada semua orang yang dinamakan dalamnya bersama-sama dengan sebab bertulis bagi perintah itu, dan perintah itu hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja diserahkan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, penyerahan bolehlah dibuat sendiri, atau melalui pos berdaftar Akuan Terima, telegram, pengiriman faksimili atau apa-apa cara elektronik lain atau cara penghantaran lain yang menyebabkan perintah itu dihantar secara bertulis kepada orang yang dinamakan dalamnya.

(4) Kuasa untuk mengeluarkan suatu perintah di bawah subseksyen (1) bolehlah dijalankan oleh Pengawal sendiri atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengawal.

**Kegagalan untuk mematuhi perintah yang sah**

**142.** Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi apa-apa perintah bertulis yang dikeluarkan oleh Pengawal atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengawal melakukan kesalahan di bawah Akta ini.

**Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**143.** Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian, hendaklah, bersama dengan pertubuhan perbadanan itu, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

**Kesalahan oleh pekerja, ejen atau pekerja ejen**

**144.** Jika suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini oleh—

*(a)* seorang pekerja;

*(b)* seorang ejen; atau

*(c)* seorang pekerja ejen,

mana-mana orang ( “prinsipal” ), prinsipal itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa—

*(aa)* kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan kesalahan itu; dan

*(bb)* kesalahan itu dilakukan—

(i) dalam hal seorang pekerja, di luar bidang kerjanya;

(ii) dalam hal seorang ejen, apabila ejen itu tidak bertindak bagi pihak prinsipalnya; atau

(iii) dalam hal seorang pekerja ejen itu, di luar bidang kerjanya dengan ejen atau selainnya bagi pihak ejen itu.

**Penalti am**

**145.** (1) Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau kali kemudiannya boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana pertubuhan perbadanan yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau kali kemudiannya boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

(3) Mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini hendaklah, dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan, dikenakan denda, sebagai tambahan kepada denda yang diperuntukkan di bawah Akta ini, tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pengkompaunan kesalahan**

**146.** (1) Pengawal atau seseorang Timbalan Pengawal, atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengawal, dengan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya boleh mengkompaunkan apa-apa kesalahan, yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini, kecuali kesalahan di bawah seksyen 138 dan 139, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu kepada Pengawal, atau Timbalan Pengawal atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengawal.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang boleh dibenarkan oleh Pengawal atau Timbalan Pengawal atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengawal, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1)—

*(a)* tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan itu dibuat; dan

*(b)* apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan dengan segera.

(4) Apa-apa wang yang telah dibayar kepada Pengawal atau Timbalan Pengawal atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengawal, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

**Pemulaan pendakwaan**

**147.** Tiada pendakwaan bagi atau yang berhubungan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

**Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan**

**148.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi mana-mana kesalahan sedemikian.

**Perlindungan pegawai**

**149.** Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

*(a)* Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya di bawah Akta ini bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diperintahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan

*(b)* mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya di bawah Akta ini jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan kepercayaan munasabah bahawa perbuatan itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai olehnya.

**Peraturan-peraturan**

**150.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suaimanfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh—

*(a)* menetapkan, berkenaan dengan apa-apa jenis barang atau perkhidmatan atau apa apa kelas atau kelas-kelas barang atau perkhidmatan, suatu standard maklumat pengguna tentang mana-mana atau semua perkara yang berikut:

(i) pendedahan maklumat, yang berhubungan dengan jenis, gred, kuantiti, asal, pelaksanaan, pemeliharaan, komposisi, kandungan, reka bentuk, pembinaan, penggunaan, harga, kemasan, pembungkusan, penggalakan atau pembekalan barang atau perkhidmatan itu; dan

(ii) bentuk atau cara maklumat itu akan didedahkan apabila dibuat atau berhubung dengan atau berkaitan dengan pembekalan atau pembekalan semula atau penggalakan pembekalan barang atau perkhidmatan itu;

*(b)* menetapkan apa-apa borang bagi maksud Akta ini;

*(c)* secara umumnya menetapkan dan memperuntukkan fi di bawah Akta ini dan cara memungut dan membayar fi itu;

(*d*) menetapkan butir-butir yang dikehendaki terkandung dalam resit dan nilai urus niaga yang baginya resit dikehendaki dan bagi maksud ini boleh menetapkan nilai yang berlainan bagi urus niaga yang berlainan; dan

(*e*) memperuntukkan apa-apa perkara yang di bawah Akta ini dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan atau yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan bagi pelaksanaan Akta ini.

---

Jadual

[Seksyen 84c]

JAWATANKUASA PENGIKLANAN

**Penjalanan sementara fungsi-fungsi Pengerusi**

**1.** (1) Jika kerana apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsi-fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

(2) Jika kerana apa-apa sebab kedua-dua Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Jawatankuasa Pengiklanan untuk melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

(3) Timbalan Pengerusi atau anggota yang dilantik di bawah subperenggan (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dalam tempoh dia melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi disifatkan sebagai Pengerusi.

(4) Dalam perenggan ini, "Pengerusi" dan "Timbalan Pengerusi" ertinya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengiklanan masing-masingnya.

**Pengosongan jawatan**

**2.** Jawatan seseorang anggota Jawatankuasa Pengiklanan yang disebut dalam perenggan 84b(1)*(b)* Akta ini hendaklah menjadi kosong—

(*a*) apabila anggota itu mati;

(*b*) apabila anggota itu meletakkan jawatan dengan surat yang ditujukan kepada Menteri; atau

(*c*) apabila tamat tempoh jawatannya.

**Pembatalan pelantikan**

**3.** Menteri boleh membatalkan pelantikan seseorang anggota Jawatankuasa Pengiklanan yang disebut dalam perenggan 84B(1)*(b)* Akta ini—

*(a)* jika kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Jawatankuasa Pengiklanan atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga memburukkan nama Jawatankuasa Pengiklanan;

*(b)* jika dia menjadi tidak berupaya untuk menjalankan kewajipannya dengan sepatutnya sebagai anggota Jawatankuasa Pengiklanan;

*(c)* jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;

(iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi dua tahun;

*(d)* jika dia dihukum bankrap;

*(e)* jika dia didapati atau disahkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan urusannya; atau

*(f)* jika dia tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pengiklanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi Jawatankuasa Pengiklanan.

**Peletakan jawatan**

**4.** Seseorang anggota Jawatankuasa Pengiklanan yang dilantik di bawah perenggan 84B(1)*(b)* Akta ini boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan surat yang ditujukan kepada Menteri.

**Pengisian kekosongan**

**5.** Jika anggota yang dilantik di bawah perenggan 84B(1)*(b)* Akta ini terhenti menjadi anggota Jawatankuasa Pengiklanan, Menteri boleh melantik orang lain untuk mengisi kekosongan itu selama baki tempoh yang baginya anggota yang mengosongkan jawatan itu telah dilantik.

**Setiausaha Jawatankuasa Pengiklanan dan pegawai lain**

**6.** Menteri boleh melantik seorang Setiausaha Jawatankuasa Pengiklanan dan pegawai-pegawai lain yang perlu untuk membantu Jawatankuasa Pengiklanan.

**Elaun**

**7.** Anggota Jawatankuasa Pengiklanan yang dilantik di bawah perenggan 84B(1)*(b)* hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

**Pakar**

**8.** (1) Jawatankuasa Pengiklanan boleh menjemput pakar atau pakar-pakar dalam bidang atau bidang-bidang tertentu—

*(a)* untuk menghadiri mesyuarat atau perbincangan Jawatankuasa Pengiklanan bagi tujuan menasihati Jawatankuasa Pengiklanan atas apa-apa perkara; atau

*(b)* untuk menimbang atau melaksanakan apa-apa perkara yang diamanahkan oleh Jawatankuasa Pengiklanan dan membuat apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan patut dan perlu oleh Jawatankuasa Pengiklanan.

(2) Pakar atau pakar-pakar yang dijemput di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa fi sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

**Kesahan tindakan dan prosiding**

**9.** Tiada tindakan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

*(a)* sesuatu kekosongan dalam keanggotaan, atau kecacatan dalam penubuhan, Jawatankuasa Pengiklanan; atau

*(b)* sesuatu peninggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit sesuatu kes.

**Laporan tahunan**

**10.** Jawatankuasa Pengiklanan hendaklah menyediakan laporan tahunan berkenaan pelaksanaan fungsi Jawatankuasa Pengiklanan kepada Menteri.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 599

## AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| Akta A1199 | Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003 | 01-09-2003 |
| Akta A1298 | Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2007 | 15-08-2007 |
| Akta A1381 | Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2010 | 01-02-2011 |

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 599

## AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 2 | Akta A1298 | 15-08-2007 |
| | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 9 | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 11 | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 21A | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 23 | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 24A – 24J | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 53 | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 84A – 84D | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 86 | Akta A1199 | 01-09-2003 |
| 98 | Akta A1199 | 01-09-2003 |
| | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 99 | Akta A1199 | 01-09-2003 |
| 100 | Akta A1199 | 01-09-2003 |
| 101 | Akta A1199 | 01-09-2003 |
| 103 | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| 109A | Akta A1199 | 01-09-2003 |
| 146 | Akta A1381 | 01-02-2011 |
| Jadual | Akta A1381 | 01-02-2011 |